

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 26 JUN 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.6, 11 HINGGA NO. 108)

[SOALAN NO.6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 20,

50,54]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan KPM bagi mengatasi isu 10,160 daripada 38,3685 calon SPM 2023 tidak hadir menduduki peperiksaan. Isu yang semakin serius ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 9 pertanyaan yang lain oleh YB Kangar, YB Libaran dan YB Sabak Bernam bertarikh 26 Jun 2024, YB Padang Serai dan YB Ayer Hitam bertarikh 2 Julai 2024, YB Bukit Bintang, YB Batang Sadong dan YB Jelebu bertarikh 9 Julai 2024, serta YB Balik Pulau bertarikh 18 Julai 2024 pada Aturan Urusan Mesyuarat Kedua kali ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited menangani isu ketidakhadiran murid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 383,685 orang calon baharu mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran dan daripada jumlah tersebut, seramai 10,160 orang ataupun 2.6 peratus daripada jumlah tidak calon tidak hadir menduduki peperiksaan dan angka ini berbanding dengan tahun 2022, 14,858 orang bersamaan dengan 3.8 peratus daripada jumlah calon pada tahun 2022. Dengan kata lain, angka pada tahun ini menunjukkan penurunan sebanyak 4,698 orang iaitu 1.2 peratus. Daripada 3.8 peratus turun kepada 2.6 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 10,160 orang calon yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 8,676 orang merupakan calon sekolah KPM, 1,263 orang calon persendirian dan baki 221 orang adalah calon lain termasuk calon sekolah di bawah agensi kerajaan, Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan sekolah swasta.

Berdasarkan analisis KPM, antara punca ketidakhadiran luar kawalan KPM yang dikenal pasti adalah seperti calon bekerja, masalah keluarga, kemalangan, sakit dan juga faktor-faktor yang lain. KPM sentiasa berusaha meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan juga kehadiran murid ke SPM dengan intervensi berikut:

SOALAN NO : 06

- i. mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Panduan Pengurusan Rekod Sistem Kehadiran Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menegaskan rekod kehadiran murid, anak-anak kita ke sekolah;
- ii. memberi peringatan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) untuk memantau kehadiran;
- iii. mengoptimumkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah melalui program pembangunan diri murid; dan
- iv. mengetengahkan pempengaruh pendidikan atau *Edufluencer* berpakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling bagi berkongsi ilmu dan juga pengalaman.

KPM yakin dengan usaha berterusan dan komitmen semua pihak memastikan peningkatan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memastikan bidang kuasa dan kerjasama di antara pihak PGA, ATM, IPD, PDRM, Kastam, Imigresen dan penguatkuasa KPND demi untuk membanteras aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan barangan larangan yang semakin berleluasa di persempadanan di Indonesia - Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan serta aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. KDN melalui agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan seperti Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) terlibat secara langsung bagi penugasan kawalan keselamatan sempadan yang meliputi persempadanan negara di daratan, pesisir pantai dan pulau-pulau di Malaysia. Tambahan daripada itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut terlibat secara langsung dalam kawalan keselamatan sempadan berdasarkan Kawasan Tanggungjawab (KTJ) sempadan yang telah ditetapkan, manakala Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah merupakan agensi utama di pintu-pintu masuk antarabangsa negara yang diwartakan.

Untuk makluman Tuan Yang di Pertua, kerjasama operasi antara pihak PDRM, ATM dan Pihak Berkuasa Awam (PBA) adalah di bawah skop Op BERSEPADU yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan (JPGK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN).

Dalam masa yang sama, penguatkuasaan agensi KPDN turut melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM (Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Polis Marin (PPM)), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih holistik dan efisien bagi membanteras ketirisan dan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi. Operasi penguatkuasaan ini dilaksanakan di bawah tiga akta yang dikawal selia KPDN iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

JIM turut memainkan peranan yang penting dalam menjaga sempadan negara khususnya dalam aspek kawalan pemeriksaan di semua pintu masuk antarabangsa yang diwartakan seperti lapangan terbang, pelabuhan dan pos kawalan darat melalui penguatkuasaan Akta Imigresen 1959/63 dan peraturan-peraturan berkaitan bagi memastikan pergerakan keluar masuk individu di sempadan adalah sah dan teratur. Walaupun JIM tidak terlibat secara langsung dalam operasi bagi menangani kegiatan penyeludupan barangan terkawal dan barangan larangan namun JIM sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama kepada agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan pintu masuk negara berada di tahap keselamatan yang tinggi.

Kolaborasi antara agensi-agensi keselamatan dalam penugasan di sempadan negara sentiasa diutamakan melalui pelaksanaan operasi bersepadu. Mengambil kira kepelbagaian fungsi setiap agensi, pelaksanaan operasi bersama dapat membantu dalam meningkatkan

keberhasilan sesebuah operasi bagi memastikan keselamatan sempadan negara adalah sentiasa terjamin. Justeru, dalam memastikan bidang kuasa dan kerjasama di antara agensi keselamatan dapat dilaksanakan dengan efisien, KDN telah mengambil beberapa inisiatif penambahbaikan dengan memfokuskan aspek-aspek kolaborasi antara agensi seperti berikut:

Malaysia Control And Border Protection Agency (MCBA)

MCBA merupakan agensi kerajaan barisan hadapan di pintu-pintu masuk negara termasuk pelabuhan dan bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan sempadan dan pemeriksaan secara bersepadu di pintu masuk darat, laut dan udara termasuk pelabuhan. Pada masa kini, pengoperasian MCBA adalah secara pentadbiran iaitu sebagai penyelar operasi-operasi khas di pintu masuk dan sempadan bersama Jabatan/Agensi sedia ada. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 April 2024 dan diterjemahkan melalui dokumen terma rujukan MCBA yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha KDN bersama KSU Kementerian- kementerian berkaitan. Manakala, untuk fasa selanjutnya iaitu setelah RUU penubuhan MCBA diluluskan di Parlimen, MCBA akan beroperasi di pintu masuk (ICQS, CIQ) seluruh negara dengan melaksanakan fungsi-fungsi Jabatan/Agensi sepertimana yang diperuntukkan di dalam RUU MCBA.

Tambahan itu, pengoperasian MCBA di pintu masuk ini akan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan 22 pintu masuk antarabangsa yang merangkumi domain darat, udara dan laut.

INISIATIF LAIN DI PERINGKAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI KE ARAH PEMANTAPAN KAWALAN KESELAMATAN SEMPADAN NEGARA

Pembangunan Pelan Induk Kawalan Keselamatan Sempadan Negara

Berdasarkan kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan dan sebagai langkah untuk memantapkan pengurusan

kawalan keselamatan sempadan negara, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang membangunkan Pelan Induk KDN Berhubung Kawalan Keselamatan Sempadan Negara yang menerangkan cadangan rangka **pelan induk yang komprehensif dalam pengukuhan kawalan keselamatan di sempadan Malaysia melalui pembangunan strategi dan pelan tindakan bersepadu** yang melibatkan KDN bersama agensi di bawahnya serta agensi kerajaan lain yang terlibat dalam kawalan sempadan negara.

Pelan induk yang dirangka ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada **dua (2) fokus strategi** iaitu **(i) Memperkukuh Operasi Kawalan Keselamatan Sempadan Negara dan (ii) Memperkasa Kapasiti Kawalan Sempadan Negara**. Fokus strategi yang dirangka untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan sempadan negara akan dilaksanakan secara pemusatan kepada **lima (5) sempadan hadapan negara (5 front approach)** iaitu:

- i. *Front 1*: Sempadan Utara (Kedah, Perlis dan Perak);
- ii. *Front 2*: Sempadan Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang);
- iii. *Front 3*: Sempadan Selatan (Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor);
- iv. *Front 4*: Sempadan Sabah; dan
- v. *Front 5*: Sempadan Sarawak.

Sistem Kawalan Sempadan Negara- *National Border Control System (NBCS)*

Sebagai usaha ke arah memperkasakan penggunaan teknologi *Artificial Intelligence (AI)* dalam kawalan keselamatan sempadan, KDN kini dalam tindakan pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sistem Kawalan Sistem Kawalan Sempadan Negara (*National Border Control System - NBCS*). Cadangan pembangunan NBCS ini adalah sebagai langkah strategik KDN untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan sempadan Malaysia melalui penggunaan teknologi terkini selari dengan perkembangan teknologi semasa dunia.

Pembangunan sistem NBCS yang dicadangkan ini akan dilengkapi dengan sistem pengawasan terkini dan teknologi AI bagi membolehkan operasi tanpa pengawasan, proses kawalan pintar, penyebaran maklumat secara pantas dengan masa sebenar (*real time*) dan pengawasan sepanjang masa secara berterusan dalam melindungi sempadan darat dan maritim Malaysia demi keamanan, kestabilan dan kedaulatan negara. Penggunaan berasaskan teknologi AI ini akan membolehkan pengesanan objek dilaksanakan secara efektif, di samping dapat mengelakkan penggera palsu (*false alarm*) serta ia dapat membantu pasukan keselamatan dalam membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan kawalan keselamatan di sempadan.

Buat masa kini, KDN dalam pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sistem Kawalan Sempadan Negara- *National Border Control System* (NBCS) di bawah peruntukan *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe12). Kajian ini dilaksanakan oleh Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), KDN melalui pelantikan pasukan penyelidik dan pakar daripada Universiti Awam yang telah bermula pada 7 September 2023 dengan tempoh kajian selama 14 bulan yang dijangka berakhir pada November 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan senarai aktiviti dan peruntukan bagi jiran wanita, jiran muda dan jiran warga emas di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga di dalam kawasan Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975, Rukun Tetangga telah memainkan peranannya sebagai pemacu dalam komuniti kejiranan terutamanya dalam membantu membangunkan komuniti setempat dalam aspek pengukuhan semangat kejiranan, keselamatan, pembelajaran sepanjang hayat, ekonomi komuniti serta kesejahteraan hidup komuniti.
2. Sehingga kini, jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara adalah 8,438 KRT. Di Negeri Selangor, jumlah KRT adalah 1,091 KRT dan di **Parlimen Kapar adalah berjumlah 50 KRT.**
3. Komuniti Tunas Jiran, Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Warga Emas dalam Rukun Tetangga merupakan kelompok penting yang mendukung aspirasi Rukun Tetangga dalam komuniti. Pemeraksanaan program dibuat

untuk memastikan ianya memberi impak yang baik kepada seluruh komuniti. Kelompok komuniti ini juga merupakan agen perpaduan diperingkat akar umbi yang mempromosikan penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam pelbagai aktiviti Rukun Tetangga dan bagi memastikan jentera Rukun Tetangga sentiasa relevan dan kewujudannya memberikan impak yang besar dalam komuniti.

4. Bagi tempoh **Januari hingga Mei 2024**, sebanyak **51 aktiviti** yang melibatkan tiga kelompok komuniti telah dilaksanakan dalam Parlimen Kapar dengan pecahan seperti berikut:

- Jiran Muda 22 aktiviti
- Jiran Wanita 15 aktiviti
- Jiran Warga Emas 14 aktiviti

5. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti Majlis Sumbangan Rahmah, Program *Back To School*, *Town Hall Discussion* Bersama PDRM, Program Gotong-royong, Rondaan Keselamatan dan Program Gerak Rahmah.

6. Bagi tujuan perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa Rukun Tetangga dan pengelolaan aktiviti-aktiviti perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di dalam kawasan kejiranan Rukun Tetangga, Kerajaan telah menyalurkan geran sebanyak RM6,000 setahun kepada Kawasan Rukun Tetangga yang aktif. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah institusi sosial atau organisasi sukarela di peringkat komuniti, KRT ini juga disarankan supaya dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti melalui kerjasama strategik bersama-sama agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan yang berkaitan agar impak pelaksanaan aktiviti lebih berkesan, menyeluruh dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA
MELAKA)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

(a) jumlah pencarum KWSP yang memindahkan caruman dari Akaun 1 ke Akaun 3, jumlah pencarum dan caruman yang telah dikeluarkan dari Akaun 3 setakat ini; dan

(b) strategi jangka panjang untuk memastikan pelaburan KWSP tidak terjejas ekoran penstrukturan semula akaun KWSP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan yang lebih mapan dan pada masa yang sama mengimbangi keperluan semasa ahli. Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

Setakat 10 Jun 2024, sejumlah 3.45 juta ahli KWSP telah membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel dengan jumlah perpindahan daripada Akaun Sejahtera (sebelumnya Akaun 2) sebanyak RM10.86 bilion. Manakala jumlah ahli yang telah membuat pengeluaran melalui Akaun Fleksibel adalah seramai 2.93 juta di mana ia melibatkan jumlah pengeluaran RM6.98 bilion.

KWSP adalah sebuah dana persaraan jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli melalui pengisytiharan kadar dividen yang stabil dan mampan.

Bagi memastikan KWSP boleh mencapai objektif pelaburan tersebut, pelaburan KWSP adalah berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang mengalokasikan aset secara optimal dengan mengambil kira had toleransi risiko KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan.

SAA ini dikaji semula secara berkala bagi memastikan jangkaan pulangan dan risiko adalah relevan dengan keadaan pasaran modal semasa serta sebarang perubahan polisi, regulatori, perakaunan dan profil aset-liabiliti KWSP. Antara pertimbangan yang akan dikaji adalah profil kecairan portfolio pelaburan serta alokasi kepada baki tunai bagi mengambil kira impak daripada penstrukturan semula akaun KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan SAA semasa, KWSP mengalokasikan baki tunai pelaburan pada julat 2% sehingga 6%

NO SOALAN : 13

daripada jumlah aset pelaburan. KWSP menjangkakan bahawa sebahagian besar daripada pengeluaran daripada penstrukturan semula akaun KWSP ini akan boleh ditampung oleh baki tunai semasa serta aliran masuk tunai bersih daripada caruman, kematangan dan pendapatan pelaburan KWSP.

KWSP akan terus mengamalkan pendekatan pelaburan berdisiplin dan pengurusan kecairan yang baik dan berpandukan SAA untuk memastikan portfolio pelaburan KWSP tidak terjejas dengan penstrukturan semula akaun KWSP. Ini dapat memastikan prestasi pelaburan yang kukuh dapat dikekalkan selaras dengan objektif KWSP sebagai sebuah dana persaraan jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG
BESAR]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tahap keberjayaan program Asasi TVET yang telah selesai satu kohort pengambilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Asasi TVET adalah merupakan program persediaan yang berfokus kepada elemen amali dan praktikal yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi menyokong agenda memperkasa ekosistem TVET KPT menerusi penawaran program bercirikan *advanced* TVET.
2. Program persediaan ini direkabentuk bagi memenuhi keperluan program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Bidang pengajian TVET yang dibangunkan terdiri daripada teknologi kejuruteraan awam, teknologi kejuruteraan mekanikal dan teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

SOALAN NO : 14

3. Pengambilan pertama Sesi Akademik 2023/2024 adalah seramai 461 orang yang mana mereka baru sahaja menamatkan pengajian selama satu (1) tahun pada 2 Jun 2024. Pada masa ini, kohort ini sedang menunggu keputusan kemasukan ke MTUN untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Jaminan yang diberikan oleh pihak MTUN, semua pelajar yang telah lulus program Asasi TVET akan ditawarkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di empat (4) universiti dibawah MTUN dalam bidang teknologi kejuruteraan bagi sesi Akademik 2024/2025.
4. Program asasi ditawarkan di lima (5) buah politeknik iaitu di Politeknik Ungku Omar (PUO) Ipoh, Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) Pagoh dan Politeknik Sultan Syed Sirajuddin (PTSS) Perlis. Pemilihan politeknik sebagai lokasi pelaksanaan Asasi TVET juga berdasarkan lokasi yang praktikal dengan MTUN yang berhampiran. Kerjasama politeknik-MTUN adalah melalui kerjasama pintar seperti perkongsian fasiliti, gunasama pensyarah dan perkongsian kepakaran yang dibuat mengikut kesesuaian bidang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan :**

- (a) impak jangkaan Pelan Perancangan Strategik KUSKOP kepada usahawan terutamanya usahawan PMKS dan wanita; dan
- (b) statistik unjuran bantuan kepada usahawan bagi suku pertama tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah membangunkan Perancangan Strategik KUSKOP Tahun 2024 yang bertujuan untuk memacu pemecutan pertumbuhan dan kestabilan sektor keusahawanan ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan. Perancangan Strategik KUSKOP Tahun 2024 ini menggariskan lima (5) teras strategik, 22 strategi serta enam (6) *Key Performance Indicator* (KPI) bagi melaksanakan 204 program dan aktiviti yang dijangka akan memanfaatkan hampir seramai 608,392 penerima manfaat yang terdiri daripada pelbagai kategori usahawan termasuklah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan usahawan wanita. Melalui Perancangan Strategik KUSKOP Tahun 2024 ini juga, KUSKOP menasaskan 3 objektif utama iaitu;

- i. Menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menyokong pemecutan pertumbuhan dan kestabilan sektor keusahawanan negara;
- ii. Mempertingkatkan skala dan daya saing usahawan dan koperasi; dan
- iii. Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan keusahawanan supaya lebih fasilitatif dan efektif.

2. Berdasarkan pemantauan Perancangan Strategik KUSKOP Tahun 2024, sehingga 30 April 2024, sebanyak 129 program telah dilaksanakan oleh KUSKOP dan agensi-agensinya dalam bentuk bantuan pembiayaan dan pelaksanaan program serta aktiviti keusahawanan. Ia melibatkan melibatkan peruntukan berjumlah RM2.83 bilion yang telah memberi manfaat kepada seramai 183,283 usahawan dan koperasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG
RENGAS]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pentaksiran semula ke atas takrif kadar elektrik yang meningkat di mana sedikit sebanyak memberi kesan kepada perbelanjaan bulanan rakyat M40 bermula Januari lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, tarif elektrik di Semenanjung terbahagi kepada dua komponen utama iaitu purata tarif asas elektrik di bawah rangka kerja *Incentive-Based Regulation* (IBR) yang disemak setiap tiga tahun dengan mengambil kira keperluan kos modal, kos operasi dan kadar keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dikawal selia oleh Kerajaan. Sebuah lagi komponen adalah pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass- Through* (ICPT) yang disemak setiap enam bulan sekali dengan mengambil kira kos bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang. Berdasarkan mekanisme ICPT ini, semua pengguna perlu membayar bil elektrik masing-masing setelah diselaraskan melalui pemberian rebat atau surcaj bergantung kepada semakan terhadap harga bahan api sebenar bagi tempoh setiap enam bulan. Ini bermakna, secara prinsipnya semua pengguna sepatutnya membayar tarif elektrik mengikut penggunaan mereka berdasarkan harga bahan api di pasaran.

2. Bermula pada bulan Januari hingga Jun 2024, Kerajaan telah memutuskan supaya kira-kira 1.2 juta pengguna domestik dengan penggunaan antara 601 kWj sehingga 1500 kWj yang mewakili kira-kira 14.7% daripada pengguna domestik di Semenanjung tidak lagi diberikan rebat 2 sen/kWj serta pada masa yang sama tidak dikenakan surcaj (*zerorise*). Keputusan Kerajaan ini hanya memberikan kesan yang minimum kepada perbelanjaan bulanan rakyat. Sungguhpun demikian, Kerajaan masih prihatin dan memperuntukkan subsidi berjumlah RM266.19 juta untuk menampung kadar surcaj sebenar yang sepatutnya dilepaskan kepada pengguna dalam kategori tersebut.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mengetahui jumlah pengguna elektrik yang berpendapatan di dalam kategori M40. Ini adalah kerana bil elektrik pengguna adalah bersandarkan kepada penggunaan tenaga elektrik mereka dan bukannya berdasarkan pendapatan isi rumah. Walaupun begitu, pengguna domestik yang menggunakan elektrik di bawah 600 kWj sebulan (anggaran bil elektrik berjumlah RM223.51) iaitu kira-kira 84.4% pengguna domestik di

SOALAN NO : 16

Semenanjung kekal dilindungi dan masih menerima rebat 2 sen/kWj sebagai sebahagian daripada inisiatif penyasaran semula subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

4. Secara keseluruhannya, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1,935 juta untuk pemberian subsidi kepada pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 supaya peningkatan harga bahan api di pasaran dunia bagi penjanaan elektrik tidak dilepaskan sepenuhnya kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik bagi kadar peratusan murid bagi komuniti Orang Asli, termasuk kaum asal bagi Sarawak dan Sabah yang tidak melengkapkan persekolahan di Malaysia. Mohon untuk membahagikan data tersebut kepada prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi keciciran iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan.

Pada tahun 2023, kadar keciciran murid pada peringkat sekolah rendah ialah 0.06 peratus, dan 0.83 peratus pada peringkat sekolah menengah.

Bagi kaum asal Sarawak, terdapat 0.21 peratus murid sekolah menengah keluar daripada sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), manakala bagi kaum asal Sabah terdapat 0.29 peratus murid sekolah menengah keluar sistem APDM. Walau bagaimanapun, statistik ini hanya merangkumi murid sekolah KPM yang keluar daripada sistem APDM sahaja.

KPM sentiasa memberikan perhatian yang serius kepada akses pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli dan Peribumi Sarawak dan Sabah. KPM komited dalam menyediakan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak menerusi pendidikan manusiawi. Oleh yang demikian, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM telah melaksanakan Inisiatif #57 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi bertujuan untuk:

- i. Meningkatkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti murid Orang Asli dan Peribumi yang relevan dengan keperluan semasa.
- ii. Menyediakan peluang pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan murid Orang Asli dan Peribumi selari dengan pendidikan arus perdana.

SOALAN NO : 17

Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi ini akan terus memberi fokus untuk menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang relevan dengan arus perdana.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 93 buah sekolah murid Orang Asli. Sehingga bulan Jun 2024, kadar transisi murid Orang Asli dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu adalah 91.65 peratus, manakala kadar transisi murid Peribumi dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu adalah 90.28 peratus.

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM dalam menangani keciciran murid Orang Asli iaitu:

- i. mengadakan sesi libat urus dan Program Ziarah Kasih bersama-sama komuniti Orang Asli di perkampungan masyarakat Orang Asli;
- ii. melaksanakan Program Jom Belajar iaitu Program Khas Murid Asli (PROKHAS) dan Chup Badui Sikulah (CBS) bagi kanak-kanak Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan tidak pernah bersekolah;
- iii. peluasan Program Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) bagi mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tahun 6 ke Tingkatan 1;
- iv. pelaksanaan Program Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11); dan
- v. menyediakan Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP).

KPM sentiasa komited dalam usaha memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat akses pendidikan yang berkualiti termasuk kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli dan Peribumi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes pencerobohan di Istana Negara dan ancaman bunuh kepada pemimpin politik serta perancangan tuntas untuk membanteras unsur ekstremisme daripada semakin menular dalam Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung status kes pencerobohan di Istana Negara, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan bersabit laporan polis, yang telah dibuat. Kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 447/511 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(1) Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. Kedua-dua saspek telah mengaku bersalah dan telah dijatuhi hukuman.

Manakala, bagi status kes ancaman bunuh kepada pemimpin politik, Yang Berhormat Jerai tidak menyatakan secara spesifik kepada mana-mana pemimpin politik. Untuk makluman Yang Berhormat, KDN amat menitikberatkan usaha ke arah memerangi dan membanteras unsur *extremism* melalui pendekatan berikut:

(a) **Tindakan Perundangan:** Malaysia telah menguatkuasakan peruntukan undang-undang bagi memerangi keganasan iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas (SOSMA) 2012, Akta

SOALAN NO : 18

Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, The Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLAFATPUAA) dan *Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015*.

(b) **Langkah-langkah Pencegahan:** PDRM aktif dalam menjalankan operasi risikan dan pengawasan dalam usaha untuk mengesan dan menggagalkan sebarang perancangan atau cubaan serangan kumpulan pengganas di negara ini. Kawalan sempadan negara termasuk pemeriksaan di pintu masuk negara terus diperkukuh dan ditingkatkan untuk menghalang kemasukan pengganas asing yang cuba menjadikan negara ini sebagai negara transit atau *safe haven*. Selaras dengan *National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism* (MyPCVE), Kerajaan melalui agensi di bawah KDN bekerjasama dengan agensi di bawah kementerian lain seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan dalam menjalankan program *outreach* dan *engagement* dengan pelbagai lapisan masyarakat bagi mendidik dan memupuk kesedaran berkaitan impak negatif ideologi radikal terhadap keselamatan dan keamanan negara.

(c) **Langkah-langkah Pemulihan:** Kerajaan telah membangunkan program deradikalisasi yang komprehensif bertujuan untuk memulihkan individu yang radikal. Program-program ini melibatkan kaunseling psikologi, pendidikan agama dan latihan vokasional untuk mengintegrasikan semula individu terlibat ke dalam masyarakat. Ahli keluarga bekas tahanan juga turut dilibatkan dalam aktiviti ini untuk memberi sokongan kepada individu yang terlibat.

(d) **Kerjasama Dua Hala, Serantau dan Antarabangsa:** Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif memerangi keganasan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan negara-negara berkepentingan, ASEAN, PBB dan INTERPOL.

(e) **Teknologi dan Siber:** Istilah dunia tanpa sempadan yang digunakan oleh penyedia perkhidmatan internet memudahkan aktiviti penyebaran ideologi radikal melalui media sosial. Oleh itu, untuk memerangi aktiviti ini,

SOALAN NO : 18

kerajaan telah melabur dalam industri keselamatan siber untuk menentang radikalisme dalam talian dan penyebaran propaganda pengganas seperti menggunakan teknologi pengawasan, termasuk pemantauan digital dan langkah keselamatan siber untuk mengesan rangkaian pengganas dan bekerjasama dengan syarikat teknologi untuk mengalih keluar kandungan tersebut dari platform media sosial.

Secara keseluruhannya penilaian tahap ancaman keganasan semasa dalam negara adalah di tahap 'terkawal'. Walaupun terdapat kerisauan di kalangan masyarakat terhadap potensi serangan keganasan namun tiada indikator pasti dan lebih terarah kepada serangan "*lone wolf*". Tahap ini lebih baik berbanding tahap yang direkodkan sepanjang tahun 2014 sehinga tahun 2019 iaitu pada tahap 'kemungkinan besar' iaitu bermaksud ada potensi serangan boleh berlaku pada bila-bila masa. Tahap ini juga dicerminkan melalui kedudukan terbaru *Global Terrorism Index* (GTI) yang merekodkan kedudukan Malaysia semakin meningkat ke kedudukan yang lebih baik iaitu di kedudukan 81 berbanding di kedudukan ke 76 pada tahun sebelumnya dan kedudukan ke 68 dua tahun sebelum itu. Malaysia juga menduduki tempat ke-10 dalam *Global Peace Index* 2024 berbanding di tempat ke-19 pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING (GOPENG)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KAR HING (GOPENG) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha dan rancangan Kementerian untuk menjadikan institusi pengajian tinggi sebagai hub inovasi yang boleh menarik pembiayaan projek inovasi serta menampung keperluan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam usaha menjadikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai pusat inovasi yang dapat menarik pembiayaan projek-projek inovasi serta memenuhi keperluan industri. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa inisiatif strategik telah dirancang dan dilaksanakan, termasuklah **penubuhan Pusat Industri Universiti** dan juga **Program Jaringan Awam-Swasta (*Public Private Research Network*), PPRN** .
2. **Pusat Industri Universiti** seperti *Industry Centre of Excellence (ICoE)*, *Makers@University*, *Competence Centre* dan *University Revolutionary Teaching Factory (URTF)* ini berperanan untuk mewujudkan sinergi kerjasama di antara pihak universiti dan industri di mana para akademia dapat meningkatkan ilmu berkaitan

SOALAN NO : 19

pengajaran dan menambahbaik modul atau silibus pengajaran berdasarkan keperluan dan kehendak industri.

3. Selain itu, KPT juga telah memperkenalkan **inisiatif Program Jaringan Awam-Swasta atau dikenali juga sebagai *Public Private Research Network (PPRN)***. Inisiatif PPRN ini merupakan satu model kerjasama strategik antara pihak industri dan IPT atau Institusi Penyelidikan Awam (PRI) dengan pemberian geran padanan daripada pihak Kementerian untuk meningkatkan produktiviti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui pelaksanaan projek-projek inovasi yang berpacuan permintaan industri.
4. Melalui program ini, IPT berperanan sebagai hub inovasi yang boleh menarik pembiayaan projek inovasi serta menampung keperluan industri. Selain itu, dengan kerjasama strategik ini juga pihak IPT atau PRI berperanan sebagai penyedia penyelesaian (*solution provider*) kepada permasalahan teknologi sebenar yang dihadapi oleh pihak industri selain menyokong dan meningkatkan pengkomersialan hasil inovasi tempatan.
5. Dengan usaha-usaha ini, KPT berhasrat untuk memastikan IPT di Malaysia bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan akademik, bahkan sebagai hub inovasi yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara dan memenuhi keperluan industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

YB Tuan William Leong Jee Keen minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi merobohkan benteng-benteng kepada perpaduan dan inklusiviti seperti ketidakpercayaan (distrust), stereotaip serta prejudis dalam kalangan kaum di Malaysia yang kini semakin memudaratkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Selayang di atas soalan yang dikemukakan kepada Kementerian.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, halatuju inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah untuk mencapai satu matlamat yang cukup besar iaitu mewujudkan masyarakat Malaysia yang **bersatu padu, demokratik, liberal, progresif dan sopan-santun**. Halatuju ini dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Perpaduan Negara yang telah digubal berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**.

3. Kementerian telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia Madani melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang menyepadukan program melalui **Flagship Kembara Perpaduan** yang turut terbahagi kepada tiga (3) kluster utama.

- i. **Semarak Kenegaraan**
- ii. **Semarak Perpaduan**
- iii. **Komuniti RAHMAH**

4. Sepanjang tahun 2023, sebanyak **661 program yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** telah berjaya dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara serta agensi;

- i. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional;
- ii. Jabatan Muzium Malaysia;
- iii. Arkib Negara Malaysia;
- iv. Perpustakaan Negara Malaysia;
- v. Yayasan Sukarelawan Siswa;
- vi. Yayasan Tunku Abdul Rahman; dan
- vii. Yayasan Tun Razak.

5. Kementerian Perpaduan Negara akan terus melipat gandakan usaha bagi melaksanakan pelbagai **strategi untuk melahirkan bangsa yang patriotik dalam mengukuhkan tapak integrasi nasional dan ekosistem perpaduan negara**. Rata-rata kesemua program yang dilaksanakan pada tahun 2023 akan diteruskan pada tahun hadapan. Antara inisiatif yang telah dirancang oleh kementerian bagi tahun 2024 adalah:

- i. **Eksplorasi Rukun Negara**- Usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia. Antara perkara yang akan dijalankan adalah Pameran Rukun Negara, Simposium Rukun Negara, Ekspresi Rukun Negara, Kem Anak Malaysia dan Program Raja Kita, Akar Kita.
- ii. **Pemeriksaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang akan berperanan sebagai penggerak utama dan penjalin hubung (*bridge builder*) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
- iii. **Sambutan Minggu Perpaduan** - sambutan yang dilaksanakan secara berkala setiap tahun pada hujung bulan Mei bertujuan memperkukuhkan perpaduan rakyat berteraskan tiga prinsip iaitu 'faham, hormat dan terima' berkaitan perbezaan budaya, adat dan kepercayaan setiap kaum di Malaysia. Pada tahun 2024, sambutan ini telah diadakan di Negeri Johor.
- iv. **Harmoni Madani**- Inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang bakal dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah Bicara Harmoni MADANI, Tinta Harmoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Harmoni Sedunia, dan program- program Interfaith.

6. Di samping itu, Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme tadbir urus bagi mencari penyelesaian isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti berikut:

- a. **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i;
- b. **Majlis Penasihat Perpaduan Negara** yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia); dan
- c. **Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak Serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)** yang dianggotai oleh barisan EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam.

7. Oleh yang demikian, melalui penghasilan inisiatif program yang dirancang oleh Kementerian, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira agama, fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menaikkan elaun Rukun Tetangga yang selama ini berada pada tahap yang rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rukun Tetangga merupakan organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1975 dan beroperasi melalui Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751]. Sebagai jentera perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Rukun Tetangga berperanan sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung (*bridge builder*) dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan di peringkat komuniti.
2. Sebagai sebuah organisasi sukarela, anggota Jawatankuasa Rukun Tetangga **tidak menerima sebarang elaun** bagi menguruskan pentadbiran dan pengoperasiannya. Sejak hampir 50 tahun penubuhannya, **ahli**

Jawatankuasa Rukun Tetangga berkhidmat secara sukarela kepada komuniti tanpa sebarang ganjaran atau imbuhan ibarat “bekerja tanpa gaji”.

3. Walau bagaimanapun, **Kerajaan menyediakan peruntukan dalam bentuk geran secara tahunan kepada Rukun Tetangga yang aktif** dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah seksyen 8, Akta 751. **Kadar geran adalah sebanyak RM 6,000 setahun** yang digunakan oleh Rukun Tetangga untuk urusan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti di peringkat komuniti masing-masing.

4. **Melalui inisiatif Bajet 2024, Kementerian Perpaduan Negara juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 20 juta untuk melaksanakan inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.** Peruntukan tersebut adalah untuk mendayaupayakan Rukun Tetangga berpotensi di seluruh negara untuk dijadikan sebagai Model RT Progresif.

5. Setakat ini sebanyak **121 Kawasan Rukun Tetangga** sedang didayaupayakan melalui pelbagai aspek termasuk latihan, bimbingan, bantuan teknikal, peralatan dan peruntukan bagi meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan, impak serta *return of investment* (ROI) projek/program/aktiviti/perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Rukun Tetangga berkenaan.

Sekian Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil bagi mempertingkatkan keselamatan di sempadan negara bagi membanteras dan mengekang masalah pendatang tanpa izin yang makin meningkat saban hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa komited bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara sentiasa terpelihara. Justeru, bagi membanteras dan mengekang ancaman keselamatan di sempadan negara khususnya berhubung kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan iaitu Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia (PGA, PDRM), Pasukan Polis Marin, Polis Diraja Malaysia (PPM, PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) telah mengambil beberapa langkah keselamatan dengan memfokuskan aspek-aspek kawalan keselamatan seperti berikut:

Pengukuhan Operasi Penguatkuasaan

Dalam usaha untuk mengekang kemasukan PATI di sempadan negara, agensi-agensi penguatkuasaan telah melaksanakan beberapa operasi tetap seperti di bawah PGA, PDRM melalui Op Wawasan, Op Nyah, Op Awas, OP Libas dan Op Taring. ESSCOM turut melaksanakan Op Sanggah yang merupakan koordinasi operasi pasukan keselamatan dan jabatan/ agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri di kawasan ESS Zone. Manakala, APMM pula melaksanakan Op Cegah PATI dan Op Belangkas bagi membendung kemasukan PATI melalui perairan negara.

Pemilikan aset

KDN juga dalam perancangan untuk melaksanakan penambahan pos-pos keselamatan baharu dan aset-aset keselamatan yang terkini melalui permohonan projek baharu fizikal dan bukan fizikal bagi Rolling Plan Keempat (RP4), RMKe-12, Tahun 2024 merangkumi **penambahan pos kawalan, Forward Operation Base, perolehan kapal dan bot serta perolehan aset taktikal yang baharu.**

Penggunaan Teknologi

Dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan di sempadan negara, KDN melalui APMM telah mengguna pakai teknologi terkini dan yang berkemampuan untuk berhadapan pelbagai bentuk ancaman keselamatan sempadan maritim seperti berikut:

- (i) Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) bagi pengawasan keselamatan Zon Maritim Malaysia;
- (ii) *Command, Control, Communication, Computer, Intelligence, Surveillance and Reconnaissance* (C4ISR) bagi perkongsian maklumat dan menyelaraskan tindakan segera operasi penguatkuasaan dan carilamat maritim secara masa nyata; dan
- (iii) Sistem Cospas-Sarsat bagi membantu operasi carilamat maritim.

Manakala, PGA, PDRM sedang merancang penggunaan teknologi dalam membuat kawalan/risikan keselamatan di kawasan operasi. Untuk makluman Yang Berhormat, PGA telah diluluskan peruntukan perolehan aset berteknologi di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe12) bagi perolehan empat (4) unit *Drone Vertical Take Off and Landing* (VTOL) dan perolehan lima (5) unit *Mobile Surveillance Thermal Radar* dengan di bawah RP2, RMKe12.

Selain daripada itu, ke arah memperkasa dan memperkukuhkan kawalan keselamatan di sempadan negara, KDN dalam pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sistem Kawalan Sempadan Negara-*National Border Control System* (NBCS) di bawah peruntukan *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe12). Kajian ini dilaksanakan oleh Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), KDN melalui pelantikan pasukan penyelidik dan pakar daripada Universiti Awam yang telah bermula pada 7 September 2023 dengan tempoh kajian selama 14 bulan yang dijangka berakhir pada November 2024.

SOALAN NO: 23

Pembangunan sistem NBCS yang dicadangkan ini akan dilengkapi dengan sistem pengawasan terkini dan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) bagi membolehkan operasi tanpa pengawasan, proses kawalan pintar, penyebaran maklumat secara pantas dengan masa sebenar (*real time*) dan pengawasan sepanjang masa dalam melindungi sempadan darat dan maritim Malaysia demi keamanan, kestabilan dan kedaulatan negara. Penggunaan teknologi berasaskan AI ini akan membolehkan pengesanan objek dilaksanakan secara efektif di samping dapat mengelakkan penggera palsu (*false alarm*) serta ia dapat membantu pasukan keselamatan dalam membuat keputusan terhadap kawalan keselamatan di sempadan negara.

Pemantapan kerjasama serantau

Untuk menangani masalah kemasukan PATI melalui jalan laut, PPM, PDRM telah mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengeratkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran dalam kerjasama menangani permasalahan di perairan sempadan negara melalui mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di sempadan seperti *Philippine National Police-Maritime Group* (PNP-MG) dan Polisi Air dan Udara Indonesia (POLAIRUD) serta The Royal Thai Marine Police (RTMP). Selain itu, terdapat mekanisme pengurusan keselamatan sempadan darat negara melalui platform Jawatankuasa dua hala antara Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia seperti *General Border Committee* (GBC) dan *High Level Committee* (HLC) yang diurusetikan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN (BACHOK)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mekanisme rasionalisasi subsidi bahan api dan anggaran penjimatan subsidi yang akan dipindahkan dalam bentuk bantuan tunai mengikut kategori isi rumah serta kesan pindahan (*knock-on effects*) mengikut sektor mengambil kira unjuran kenaikan inflasi secara terperinci susulan pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat ini telah mencetus risiko negatif kepada kemampuan fiskal jangka panjang negara dan boleh menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terpaksa dikurangkan.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyiasaran semula subsidi secara berfasa. Setelah penyiasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0).

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar. Berdasarkan data perbelanjaan isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bantuan tunai RM200 sebulan memadai untuk menampung perbelanjaan tambahan untuk sekurang-kurangnya 80% pengguna kenderaan diesel persendirian. Perkiraan ini mencukupi untuk membiayai perubahan harga diesel bagi perjalanan harian sepanjang 75 kilometer berdasarkan kegunaan kenderaan diesel biasa seumpama *pickup truck*.

SOALAN NO : 24

Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun. Dengan mengambil kira kadar kenaikan harga runcit diesel yang telah ditetapkan dan pelaksanaan langkah mitigasi impak kenaikan harga melalui penyasaran subsidi dan pemberian bantuan tunai, kesan ke atas inflasi dan pertumbuhan ekonomi dijangka tidak ketara. Sehubungan itu, unjuran rasmi inflasi dan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2024 kekal masing-masing pada 2.0% - 3.5% dan 4.0% - 5.0%.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana penggredan dilakukan untuk semua mata pelajaran dalam Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2023. Nyatakan markah kelulusan untuk setiap mata pelajaran bagi tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa penyediaan soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan mengikut piawaian yang ditetapkan supaya standardnya adalah setara setiap tahun.

Analisis keputusan peperiksaan SPM dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran pada tahun semasa. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai semua mata pelajaran yang diuji. Prestasi setiap mata pelajaran pula merujuk kepada sejauh mana semua calon menguasai mata pelajaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan markah sempadan dan gred peperiksaan SPM adalah mengikut garis panduan dan prosedur yang ditetapkan serta diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. KPM menggunakan kaedah penentuan standard dengan mengambil kira rekabentuk instrumen pencapaian calon, prestasi mata pelajaran serta berpandukan trend pencapaian tahun-tahun lepas.

Prosedur penentuan standard ini turut melibatkan pakar-pakar pentaksiran dari luar negara dan keputusan adalah ditentukan berdasarkan pertimbangan profesional dan bukti empirikal. Antara faktor yang mungkin mempengaruhi peningkatan atau penurunan pencapaian calon dalam peperiksaan SPM ialah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan kemenjadian kohort calon yang menduduki peperiksaan pada tahun semasa.

Justeru itu, markah kelulusan dan gred bagi setiap mata pelajaran peperiksaan SPM adalah berbeza setiap tahun. Analisis keputusan SPM yang disediakan pada setiap tahun menunjukkan bahawa KPM sentiasa komited dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan memastikan kesamarataan peluang kepada semua calon di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN (PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :**

- (a) berapa jumlah keluasan tanah rizab Melayu di setiap negeri yang telah bertukar status kepada bukan Melayu; dan
- (b) perincian tindakan Kementerian untuk mengembalikan semula pemilikan tanah-tanah rizab Melayu yang telah hilang berdasarkan undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Tanah Rizab Melayu terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri masing-masing selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan di bawah Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Isu-isu berhubung Tanah Rizab Melayu lebih sesuai dibahaskan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Justeru, perincian maklumat Tanah Rizab Melayu yang telah bertukar status kepada bukan Melayu boleh dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri.

2. Berdasarkan Perkara 89 (3), Perlembagaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menggantikan mana-mana tanah yang telah terhenti daripada menjadi Tanah Rizab Melayu (TRM) dengan mana-mana tanah lain yang sama luas dan memiliki ciri-ciri yang sama (*similar character*). Berdasarkan kerangka perundangan semasa tersebut, langkah mengembalikan semula pemilikan TRM bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian kerana Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa "*land is a state matter*".

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan projek-projek yang dirancang serta diluluskan untuk memulihara hakisan tebing sungai bagi menyelamatkan rumah panjang atau kampung di Sarawak amnya dan di kawasan Baram khususnya dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah memulihara hakisan tebing sungai khususnya di kawasan Baram, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan projek pembinaan *retaining wall* di tebing Sungai Baram dengan jumlah kos RM6.3 juta. Projek ini telah dilaksanakan pada Ogos 2019 dan siap sepenuhnya pada November 2021.

2. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM1.93 juta telah disalurkan untuk Parlimen Baram pada tahun 2022 sehingga 2024 untuk melaksanakan 16 sebutharga dengan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai.

3. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 5* (RP5), projek pemuliharaan Sungai Baram di Long Ilang, Daerah Baram, Bahagian Miri, Sarawak telah dimohon dengan anggaran kos RM50 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan komprehensif bagi meningkatkan bilangan pelajar aliran sains tulen untuk memenuhi penawaran bidang pengajian di fakulti tertentu berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) selaras dengan nisbah 60:40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan murid bidang STEM untuk memenuhi penawaran bidang pengajian di fakulti tertentu berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) selaras dengan sasaran Dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera. Sehingga Jun 2024, data KPM menunjukkan bahawa peratusan enrolmen murid aliran sains, termasuk aliran teknikal dan vokasional, telah menunjukkan peningkatan daripada 40.95% pada tahun 2021 kepada 50.83% pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah komprehensif untuk meningkatkan minat dan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu:

SOALAN NO : 28

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum;
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses PdP STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi, guru bidang STEM, Guru Bimbingan Dan Kaunseling (GBK), pemimpin sekolah dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);
- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan inklusif;
- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;
- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menubuhkan Pusat Pendidikan STEM.

Selain itu, KPM telah membentuk enam (6) pasukan petugas khas (*task force*) bagi mempergiat pelbagai inisiatif penting bagi mereformasikan

pendidikan negara. Pasukan petugas khas yang dibentuk termasuklah *Task Force Pendidikan STEM* bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, STEM adalah bidang yang merentas sektor dan perlu dilaksanakan secara kolektif melalui sinergi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem STEM nasional. Dalam hal ini, sinergi antara Kementerian seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa diperkukuh untuk mengupayakan ekosistem pendidikan STEM. Jawatankuasa Khas STEM KPT-KPM-MOSTI akan ditubuhkan bagi merancang dan memantau inisiatif merentas kementerian bagi meningkatkan enrolmen murid aliran STEM.

Kerjasama dengan pihak industri dan rakan strategik turut dipergiat dengan menyokong program dan aktiviti yang memberi pendedahan mendalam kepada murid. Sebagai contoh, KPM sedang bekerjasama dengan Yayasan PETRONAS (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru YP-KPM bagi memperkasakan 4,500 orang guru STEM dalam meningkatkan KBAT melalui pendidikan STEM.

Komitmen KPM untuk meningkatkan minat murid dalam bidang STEM bagi menyediakan bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan keperluan dasar berkaitan sains, teknologi dan inovasi seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan dilaksanakan berhubung pelaksanaan penugasan kuasa dalam pengambilan guru baharu daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, serta bagaimana ianya dijangka akan memberi impak dalam memenuhi isu kekurangan guru di Sarawak dalam masa yang lebih singkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, pelantikan ke dalam perkhidmatan awam secara tetap, sementara atau kontrak, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana skim perkhidmatan dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan pengambilan guru, ia dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku pihak yang diberi kuasa untuk melantik berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

KPM sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekurangan guru sekolah seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Bagi tujuan tersebut, KPM dan SPP akan terus bekerjasama erat bagi memastikan isu kekurangan guru dapat diatasi. Usaha yang telah dilaksanakan antara KPM dan SPP jelas telah memperlihatkan hasil yang memberansangkan khususnya dalam mengatasi isu kekurangan guru di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR HJ. ISMAIL B HJ. ABD
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah dalam tempoh lima tahun termasuk tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sangat memandang serius kes-kes jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Antara kesalahan indeks jenayah membabitkan pelajar paling tinggi direkodkan oleh PDRM adalah kes curi motosikal, lain-lain kecurian, mencederakan orang dan lain-lain. Walaupun statistik tangkapan membabitkan pelajar sekolah dalam indeks jenayah menunjukkan berlakunya trend penurunan, namun ianya masih perlu diberi penekanan dan perhatian.

Untuk makluman Yang Berhormat:

1. Pada **tahun 2019**, sebanyak 14 kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan 92 kes jenayah bagi pelajar sekolah menengah;
2. Bagi **tahun 2020**, jumlah kes jenayah adalah sebanyak 4 kes bagi sekolah rendah dan 46 kes bagi pelajar sekolah menengah;
3. Pada **tahun 2021**, statistik menunjukkan jumlah kes jenayah adalah sebanyak 6 kes bagi sekolah rendah dan 68 kes bagi sekolah menengah pada **tahun 2021**;
4. Pada **tahun 2022** pula, jumlah kes jenayah adalah sebanyak 15 kes bagi pelajar sekolah rendah dan 277 kes bagi pelajar sekolah menengah; dan
5. Manakala pada **tahun 2023**, jumlah kes jenayah bagi pelajar sekolah rendah adalah sebanyak 25 kes dan 268 kes bagi pelajar sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
(BENTONG)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- a) sejauh mana usaha dan tindakan Kerajaan bagi mengatasi isu pencemaran sungai di seluruh negara; dan
- b) apakah jumlah sungai tercemar menunjukkan penurunan dari tahun ke tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu pencemaran dan kemerosotan kualiti air sungai di negara ini berpunca daripada pencemaran bersumber (*point source pollution*) seperti sisa industri dan juga pencemaran tidak bersumber (*non-point source pollution*) iaitu sisa daripada pasar basah, gerai makanan, dobi, pusat cucian kereta, industri kecil dan sederhana (IKS) serta sisa dari rumah atau setinggan yang dilepaskan tanpa rawatan ke longkang dan dihanyutkan ke sungai. Terdapat juga sektor lain yang turut menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai termasuklah perbandaran, penternakan, pertanian serta aktiviti komersial yang tidak mempunyai sistem rawatan efluen atau kumbahan yang sempurna.
2. Memandangkan punca utama kemerosotan kualiti air sungai disebabkan oleh pelbagai sumber yang tertakluk di bawah pelbagai bidang kuasa, isu ini perlu ditangani secara bersepadu dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kebersamaan dan penyelarasan dengan semua pihak yang terlibat dalam menangani isu-isu kemerosotan kualiti air sungai perlu ditingkatkan bagi memastikan kualiti air sungai negara akan terus terjamin demi kesejahteraan rakyat.
3. Menyedari kepentingan ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah bekerjasama dengan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dalam mewujudkan Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JK-KAS) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau isu dan langkah-langkah menangani pencemaran sungai yang merentasi bidang kuasa pelbagai Jabatan/Kementerian dan Kerajaan Negeri. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 6 Jun 2024 di Putrajaya dengan kehadiran daripada pelbagai agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

SOALAN NO : 31

4. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha untuk menangani isu pencemaran sungai di seluruh negara terutama yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] termasuk di peringkat penguatkuasaan, perancangan, kajian dan program pengawasan.
5. Antara langkah yang dilaksanakan oleh JAS adalah seperti berikut:
 - i. mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti kawalan kepada efluen perindustrian, kumbahan dan kawalan kepada projek-projek yang tertakluk kepada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA);
 - ii. memastikan projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 terutamanya projek-projek yang melibatkan kerja tanah untuk menyediakan pelan kawalan hakisan dan mendapan dan seterusnya mematuhi syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang berkaitan pelepasan kelodakan;
 - iii. mengenal pasti lokasi aduan yang sering dikaitkan dengan pencemaran supaya strategi penguatkuasaan lebih berfokus;
 - iv. meningkatkan penggunaan teknologi terkini dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan seperti penggunaan dron dan pelaporan pemantauan alam sekitar secara atas talian; dan
 - v. pelaksanaan operasi penguatkuasaan dan pemantauan secara bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam menangani isu-isu berkaitan dalam bidang kuasa masing-masing seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar

SOALAN NO : 31

(JPV), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan lain-lain lagi.

6. Selain itu, JAS juga melaksanakan kerja-kerja pengawasan kualiti air secara berterusan melalui Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Program - EQMP*). Sebanyak 30 stesen pengawasan automatik dan 1,353 stesen pengawasan manual bagi pemantauan kualiti air sungai di seluruh negara. Kementerian juga akan meningkatkan penggunaan data dan maklumat pengawasan kualiti air sungai dalam merancang dan menyusun strategi penguatkuasaan bagi memastikan isu pencemaran sungai-sungai ini dapat ditangani dengan berkesan dan keseimbangan sistem ekologi dapat dikekalkan.

7. Seterusnya berhubung jumlah sungai tercemar, berdasarkan statistik, terdapat trend penurunan sungai tercemar dari tahun ke tahun. Sebanyak 25 (3.72%) batang sungai daripada 672 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar telah menunjukkan Indeks Kualiti Air (IKA) dalam kategori tercemar pada tahun 2023 berbanding 29 (4.32%) sungai tercemar pada tahun 2022. Ini menunjukkan indikator yang positif kerana bilangan sungai yang berada di dalam kategori tercemar telah menurun dari 29 batang sungai kepada 25 batang sungai pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI (PARIT BUNTAR)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI (PARIT
BUNTAR)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan insentif atau
bantuan kepada ahli yang memilih untuk memindahkan baki dari Akaun
Sejahtera ke Akaun Fleksibel.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan yang lebih mapan dan pada masa yang sama mengimbangi keperluan semasa ahli. Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

Buat masa ini, tiada sebarang insentif atau bantuan tambahan diberikan kepada ahli yang memilih untuk mempunyai akaun permulaan iaitu dengan membuat pindahan sebahagian simpanan dalam Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 10 Jun 2024, sejumlah yang melibatkan akaun perpindahan sebanyak RM10.86 bilion telah membuat pilihan untuk mempunyai akaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel. Seramai 2.93 juta ahli pula telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel yang melibatkan akaun pengeluaran sebanyak RM6.98 bilion dengan purata pengeluaran sebanyak RM2,382.

Pada masa sama, sejumlah RM4.82 bilion juga telah dipindahkan ke Akaun Persaraan ahli. Inisiatif ini telah menunjukkan impak positif apabila berjaya menunjukkan peningkatan seramai 39 ribu ahli yang mencapai simpanan asas iaitu RM240 ribu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah dipertingkatkan di semua balai polis di seluruh negara susulan kejadian serangan ke atas balai polis yang berlaku di Ulu Tiram, Johor dan di Balai Polis Dato Keramat, Jelutong, Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat serta aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Dalam konteks ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan di balai polis seluruh negara dengan lebih optimum dan bersiap siaga atas sebarang kemungkinan dalam membanteras kejadian pencerobohan atau tindakan luar jangka ke atas balai polis. PDRM juga telah memperketatkan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dalaman bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan premis PDRM merangkumi Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan arahan-arahan pentadbiran semasa yang berkaitan.

SOALAN NO : 33

Selain itu, PDRM telah mengedarkan pekeliling pengurusan bertarikh 20 Mei 2024 kepada semua formasi PDRM untuk mempertingkatkan pemeriksaan keselamatan di semua premis Polis bagi mengenalpasti kelemahan fizikal supaya tindakan segera dapat diambil, kawalan keselamatan balai dapat diperketatkan dan meningkatkan rondaan di kawasan Balai Polis.

Ke arah memperkukuhkan tahap keselamatan dan penguatkuasaan di semua premis dan fasiliti milik PDRM, KDN telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan pasukan petugas (*task force*) bagi mengenal pasti dan melaksanakan proses pengisytiharan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) bagi premis dan fasiliti milik PDRM khususnya Balai-balai Polis di seluruh negara. Pengisytiharan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) [Akta 298]. Pewujudan pasukan petugas (*task force*) ini telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting dan diketuai oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan intervensi proaktif pihak Kementerian ke arah meningkatkan prestasi skor Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) termasuk domain literasi yang ditaksir seperti matematik, saintifik dan bacaan mengambil kira impak pandemik yang turut menyumbang kepada insiden keciciran pembelajaran di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif sebagai usaha bagi memperbaiki kualiti pencapaian murid dalam pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Menurut Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), terdapat negara yang sememangnya telah menunjukkan trend penurunan pencapaian dalam pusingan PISA sebelum PISA 2022 dan ini memberi indikator bahawa terdapat sebab-sebab lain dalam sistem pendidikan negara tersebut yang telah menyebabkan penurunan dalam pencapaian.

Dalam konteks Malaysia, pencapaian negara menunjukkan trend yang meningkat sejak penyertaan dalam pusingan yang terdahulu khususnya dalam Literasi Matematik dan Sains, namun, telah menurun dengan agak ketara dalam pusingan PISA 2022.

Antara penelitian yang telah dilakukan terhadap laporan antarabangsa PISA 2022 tentang Malaysia, serta melalui webinar khas pencapaian Malaysia dalam PISA 2022 dari perspektif OECD, KPM telah mengenal pasti beberapa aspek yang perlu ditambah baik yang seperti berikut:

- i. Menyemak dan menilai kandungan kurikulum kebangsaan dengan memberi penekanan terhadap keperluan kandungan yang berfokus dan mendalam bagi pembelajaran secara aktif;
- ii. Menggalakkan penggunaan peranti digital dalam pembelajaran dengan mengehadkan impak penggunaan peranti digital bagi tujuan pembelajaran;
- iii. Meneliti semula syarat agihan bantuan yang memberi fokus kepada

murid sosioekonomi rendah bagi merapatkan jurang pencapaian antara murid;

- iv. Meneliti semula agihan sumber secara optimum merangkumi guru, peranti, infrastruktur dan bahan sumber pembelajaran mengikut keperluan di sesebuah sekolah;
- v. Menambah baik keyakinan murid untuk belajar secara terarah sendiri;
- vi. Menyokong pembelajaran anak di rumah melalui pelibatan ibu bapa seterusnya dapat merapatkan hubungan ibu bapa dengan sekolah; dan
- vii. Meningkatkan keupayaan guru sebagai pembimbing, pemudah cara dan pendidik yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesejahteraan dan pembelajaran murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan program dan inisiatif dengan mengambil kira pencapaian murid pada pelbagai aras kognitif, di samping membangunkan kompetensi guru bagi memperbaiki kedudukan Malaysia dalam penilaian PISA. Inisiatif yang dilaksanakan berfokus kepada peningkatan pencapaian murid dan kompetensi guru seperti yang berikut:

1. Meningkatkan Pencapaian Murid melalui:
 - i. penyemakan semula kurikulum kebangsaan dengan mengambil kira pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS, PISA dan SEA-PLM;
 - ii. penerapan dan penekanan berterusan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdP dengan mengguna pakai pelbagai kaedah yang mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pendekatan teknik hafalan serta disokong dengan Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) yang terdiri daripada Literasi Bacaan, Literasi Matematik, Literasi Saintifik dan Literasi

Kewangan. PKL boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran bilik darjah untuk murid Tahun 4 hingga Tingkatan 4.

2. Meningkatkan Kompetensi Guru melalui:
 - i. pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara mendalam agar pengetahuan, kefahaman dan penguasaan murid dalam Literasi Bacaan, Literasi Matematik, Literasi Saintifik dan Literasi Kewangan dapat dipertingkatkan;
 - ii. penambahbaikan reka bentuk pentaksiran kebangsaan dan pentaksiran dalam bilik darjah (PBD) agar selaras dengan kualiti dan piawaian penandaarasan peringkat antarabangsa. Ini termasuk melatih guru dalam teknik pembinaan item ujian KBAT dalam pentaksiran; dan
 - iii. pembangunan profesionalisme guru secara berstruktur dan berterusan untuk meningkatkan kecekapan guru dalam penguasaan kandungan dan penguasaan kemahiran dengan merujuk kepada kompetensi Guru Bidang Bahasa, Sains dan Matematik.

KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara dan hasilnya akan dapat dilihat melalui pencapaian Malaysia dalam pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN (PORT DICKSON) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memberikan insentif cukai dan kemudahan lain untuk menggalakkan pelaburan swasta dalam sektor-sektor strategik Kerjasama Awam-Swasta (PPP) serta menggalakkan kerjasama awam-swasta untuk membiayai projek infrastruktur dan pembangunan yang besar dalam memacu ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek kerjasama awam-swasta atau dengan izin *Public-Private Partnership* - PPP telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan ia dapat memanfaatkan rakyat dan negara, menggalakkan penyertaan pelaburan swasta serta mengawal beban kewangan kepada kerajaan bagi membiayai projek pembangunan. Pihak swasta yang terlibat dalam projek PPP terus beroperasi dalam landskap PPP yang kondusif dan disokong ekosistem perniagaan sedia ada yang menyeluruh. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan Dana Mudahcara Infrastruktur bagi menyokong pelaksanaan projek PPP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, melalui P.U.(A)119/2010, Kerajaan telah menyediakan galakan cukai dalam bentuk elaun bangunan industri bagi projek penswastaan berasaskan bina-pajak-senggara-pindah dengan kadar elaun permulaan 10 peratus dan elaun tahunan 6 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD (BALING)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan penyelesaian bagi masalah kawalan haiwan liar daripada mengganggu tanaman serta mampu mengancam keselamatan penduduk khususnya di daerah Baling.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengambil berat isu konflik manusia dan hidupan liar termasuk di daerah Baling yang menyebabkan kerugian hasil tanaman dan menjejaskan keselamatan penduduk.

2. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Pejabat PERHILITAN Daerah Baling bagi menangani isu konflik manusia dan hidupan liar adalah seperti berikut:

- i) melaksana kawalan rondaan serta pemantauan di kawasan konflik. Operasi tembak halau dan tangkap-pindah akan dijalankan jika mengancam keselamatan penduduk;
- ii) melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) sedia ada dan pembinaan SPEG baharu;
- iii) mengadakan program kesedaran awam bersama penduduk secara berkala bagi memberi kesedaran mengenai pengurusan konflik dan kaedah pengurusan kebun yang betul; dan
- iv) mengadakan perbincangan bersama dengan pemegang taruh bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan konflik.

3. Kerajaan Persekutuan melalui NRES juga prihatin dengan penduduk kampung, komuniti setempat dan Orang Asli yang terkesan dengan konflik manusia dan hidupan liar di seluruh negara. Bagi tujuan ini, Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan pada tahun 2024.

SOALAN NO: 36

4. BKHT merupakan bantuan yang diberikan secara *one-off* kepada kumpulan sasaran yang mengalami kerosakan dan kemusnahan harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga kini, bayaran sebanyak RM29,000.00 telah dilulus dan disalurkan kepada kumpulan sasaran yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 26 JUN 2024

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menaik taraf kompleks CIQS pelabuhan Kudat sebagai hub baru kemasukan penumpang dan perdagangan selaras dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk mengaktifkan semula laluan Feri di antara Kudat, Malaysia dan Palawan, Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM9.2 juta bagi tujuan pembaikan dan naik taraf Pejabat Imigresen Kudat. Projek ini akan dilaksanakan selewat-lewatnya suku tahun keempat 2024. Selain daripada itu, KDN juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan Kompleks ICQS Kudat. Peruntukan tersebut akan digunakan bagi tujuan pembelian dan penggantian aset sebanyak RM20,000 bagi memastikan kebajikan para pegawai dan keselesaan para pengguna di kompleks tersebut. Manakala, pembaikan kecil dan penyelenggaraan akan dilaksanakan berdasarkan bajet sebanyak RM80,000. Peruntukkan pembaikan dan penyelenggaraan akan dibuat bidaan pada setiap tahun. Dalam hal ini, KDN senantiasa menitikberatkan kebajikan anggota dan keselesaan pengguna senantiasa diberi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang dibelanjakan untuk SJKT bagi tahun 2023. Mohon jelaskan juga mengenai peruntukan-peruntukan lain yang disalurkan serta perancangan peruntukan dana penyelenggaraan SJKT bagi tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada 90 buah SJKT Sekolah Kerajaan (SK) sebanyak RM9.29 juta dan kepada 277 buah SJKT Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) sebanyak RM19.08 juta. Bagi tahun 2024, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada 164 buah SJKT SK sebanyak RM6.92 juta dan akan menyalurkan RM18.15 juta sumbangan penyelenggaraan kepada 297 buah SJKT SBK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan sebanyak RM134.44 juta telah diluluskan untuk KPM menaik taraf dan melaksanakan Penyelenggaraan Kecil Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2024 bagi penyelenggaraan tandas. Daripada jumlah tersebut, perancangan agihan peruntukan kepada 363 buah SJKT SBK adalah sebanyak RM25.41 juta terhad kepada RM70 ribu setiap sekolah dan berdasarkan permohonan oleh Lembaga Pengelola Sekolah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
(PEKAN)
TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI (PEKAN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menerusi penstrukturan semula akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), apakah statistik semasa peratusan pengeluaran wang pencarum daripada Akaun Fleksibel dan apakah kesan jangka masa panjang terhadap kestabilan simpanan persaraan pencarum.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk **memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan** yang lebih mapan dan pada masa yang sama **mengimbangi keperluan semasa** ahli. Inisiatif ini juga dapat **membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli** supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

Setakat 10 Jun 2024, **seramai 3.45 juta atau 26.6%** daripada jumlah keseluruhan ahli KWSP dibawah umur 55 tahun telah membuat pilihan untuk mempunyai **amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel**

dengan jumlah perpindahan sebanyak **RM10.86 bilion** manakala sejumlah **RM4.82 bilion** pula telah dipindahkan ke Akaun Persaraan.

Jumlah ahli yang telah membuat **pengeluaran melalui Akaun Fleksibel** adalah seramai **2.93 juta** atau **22.6%** (daripada jumlah keseluruhan ahli dibawah umur 55 tahun) di mana ia melibatkan jumlah pengeluaran sebanyak RM6.98 bilion.

Bagi terus mengekalkan kestabilan simpanan persaraan ahli, **Akaun Persaraan** (Akaun 1) **diperkasakan** lagi untuk membantu **meningkatkan simpanan** persaraan ahli. Bermula 11 Mei 2024, **kadar nisbah** pengkreditan caruman ahli adalah sebanyak **75:15:10** iaitu **75% dikreditkan ke dalam Akaun Persaraan, 15% Akaun Sejahtera** dan baki **10% ke dalam Akaun Fleksibel**. Kadar nisbah caruman dalam Akaun Persaraan dinaikkan sebanyak 5% berbanding nisbah 70% sebelum ini.

Inisiatif ini bukan sekadar tindak balas Kerajaan terhadap keperluan semasa, tetapi merupakan langkah proaktif untuk membantu rakyat menghadapi perubahan landskap pekerjaan dan demografi penduduk serta keperluan kitaran hayat ahli KWSP.

Dengan inisiatif ini, Kerajaan berusaha untuk memastikan setiap ahli KWSP dapat menguruskan kewangan mereka dengan yakin dan berdaya tahan dalam persekitaran yang dinamik serta mencabar pada masa kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah butiran lanjut mengenai pengenalan kurikulum STEM baharu yang merangkumi teknologi digital dan bagaimana ia dijangka akan mempersiapkan murid untuk cabaran masa depan dalam usaha untuk meningkatkan enrolmen murid dalam bidang STEM untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyertai aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Sehubungan itu, Dasar Pendidikan Digital (DPD) diperkenalkan untuk memperkasakan ekosistem pendidikan digital termasuk menyokong penguasaan ilmu murid melalui penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* - AI).

Dalam konteks kurikulum Sains dan Matematik, teknologi digital digunakan sebagai alat pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kurikulum semasa dan akan datang. Contohnya penggunaan teknologi digital dalam PdP Sains dan Matematik yang melibatkan guru dan murid ialah penggunaan perisian aplikasi, pengkomputeran awan dan analisis data raya serta penggunaan kecerdasan buatan. Penggunaan perisian aplikasi sedia ada seperti pemproses kata, perisian persembahan, grafik dan hamparan pula telah diperkenalkan sejak peringkat sekolah rendah dan dibudayakan pada peringkat sekolah menengah. Penggunaan teknologi digital dalam PdP Sains dan Matematik ini merangsang minat murid melalui aktiviti STEM yang bermakna dan menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasih digital merupakan satu daripada tujuh kompetensi yang perlu dikuasai oleh murid dalam Kurikulum Persekolahan 2027. Bermula dari sekolah rendah, KPM akan memperkenalkan kod arahan (coding). Kod arahan diajar secara aktiviti *unplug* yang diterapkan seawal Tahap I (Tahun 1 dan 2) dan Tahap II (Tahun 3 dan 4) melalui pembelajaran bersepadu. Melalui aktiviti *unplug*, murid tidak memerlukan komputer untuk mempelajari konsep pemikiran komputasional. Aktiviti ini merupakan satu kaedah pedagogi yang efisien dalam memupuk kemahiran dan kefahaman konsep murid terhadap pemikiran komputasional.

SOALAN NO : 40

Lanjutan itu, di Tahap III (Tahun 5 dan 6) murid akan menggunakan pemikiran komputasional dalam menyelesaikan masalah dan pemikiran reka bentuk untuk menghasilkan produk digital, bukan digital atau robotik melalui projek-projek dalam mata pelajaran Teknologi dan Digital.

Manakala di menengah rendah, murid akan mempelajari kandungan Teknologi dan Digital peringkat pertengahan seperti pengaturcaraan berasaskan teks, penghasilan bahan melalui pencetak 3D, multimedia dan elemen TVET menerusi projek-projek yang perlu dihasilkan. Murid akan terus dilatih untuk menggunakan perisian aplikasi yang telah dipelajari semasa menyempurnakan tugas dalam mata pelajaran STEM. Ini memberi peluang kepada murid menggunakan pengetahuan dan kemahiran kompetensi digital yang telah diperoleh dalam mana-mana mata pelajaran STEM pada peringkat menengah atas. Di peringkat ini, murid akan mempelajari kemahiran menganalisis dan menghasilkan inovasi. Mata pelajaran ini memberi ruang kepada murid untuk berinovasi dan mendapatkan pengetahuan, kemahiran serta nilai menerusi projek amali.

Bagi murid yang berkecenderungan untuk mendalami bidang ilmu teknologi digital, mereka boleh memilih mata pelajaran elektif yang berkaitan di menengah atas seperti Sains Komputer, Reka Bentuk dan Teknologi, serta mata pelajaran TVET.

Selain itu, KPM turut melaksanakan Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid yang dapat meningkatkan kompetensi digital murid melalui aktiviti bengkel dalam talian dan pertandingan berkaitan teknologi digital yang mengintegrasikan AI. Sebanyak lapan aktiviti sedang giat dilaksanakan sepanjang tahun 2024 iaitu *Imagine Cup Junior*, *Digital Storytelling Animation*, *ASEAN Data Science Explorer*, *Pembangunan Aplikasi Android*, *Minecraft Education Challenge*, *iOS App Ideation Challenge*, *Creativity@School* dan *Digital Ninja*.

KPM yakin usaha ini dapat mempersiapkan murid untuk cabaran masa depan dalam usaha untuk meningkatkan enrolmen murid dalam bidang STEM untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jaminan Kementerian bahawa pengenalan Akses Pihak Ketiga dalam industri bekalan elektrik negara tidak akan membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk merangka dasar pembekalan elektrik negara yang pragmatik dan holistik, Kerajaan sentiasa memastikan elemen keseimbangan trilemma tenaga iaitu daya harap, mampu bayar dan kelestarian bekalan elektrik dengan mengambil kira manfaat dan impaknya kepada rakyat. Oleh itu, sebarang kos yang terlibat dalam pelaksanaan program Akses Pihak Ketiga (TPA) bagi Bekalan Elektrik Hijau, akan ditampung sepenuhnya oleh pihak swasta dan tidak memberikan kesan kenaikan tarif kepada pengguna elektrik.

2. Sebagai tambahan, Program Akses Pihak Ketiga bagi Bekalan Elektrik Hijau adalah satu program khusus yang akan membolehkan syarikat korporat yang memerlukan bekalan elektrik hijau mendapatkannya secara terus daripada pemaju/penjana elektrik TBB dengan menggunakan sistem rangkaian pembekalan elektrik syarikat utiliti dan dikenakan caj rangkaian yang ditetapkan setimpal dengan kos sebenar pengoperasian TPA.

3. Pelaksanaan program TPA ini akan membolehkan syarikat korporat memenuhi komitmen ESG dalam penggunaan bekalan elektrik hijau. Memandangkan manfaat daripada program ini adalah sepenuhnya kepada pihak syarikat korporat termasuk syarikat RE 100 dan juga pusat data, Kerajaan akan memastikan pelaksanaannya tidak membebankan rakyat dan mengutamakan kepentingan pengguna elektrik secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari 2024 hingga hari ini, beberapa permohonan kewarganegaraan telah diproses, berapa banyak permohonan yang masih tertunggak. Daripada jumlah yang diproses, berapa banyak yang berjaya menerima kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh Januari hingga 10 Jun 2024, jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima adalah sebanyak **3,030 permohonan** dan diproses mengikut prosedur dan ketetapan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) bilangan pelancong China dan India yang masuk dengan pengecualian visa 30 hari daripada Januari sehingga Mei 2024; dan
- (b) adakah rekod keluar pelancong tersebut menyamai jumlah rekod kemasukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Pelan Liberalisasi Visa bermula 1 Disember 2023 sehingga 31 Disember 2024. Antara inisiatif yang diperkenalkan melalui Pelan ini termasuklah:

- (i) pengecualian visa bagi tempoh 30 hari kepada pelancong warganegara China dan India;
- (ii) pemberian kemudahan *Multiple Entry Visa* (MEV) hingga 30 hari kepada pelancong;
- (iii) pemberian Pas Lawatan Sosial (PLS) Jangka Panjang hingga 12 bulan kepada pelajar antarabangsa yang tamat pengajian
- (iv) pemberian visa transit umrah bagi tempoh tujuh hari ; dan
- (v) penambahbaikan tempoh sah laku visa dan tempoh kelayakan Pas Lawatan Sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan pelancong China dan India yang masuk dengan kemudahan pengecualian visa 30 hari daripada 1 Januari sehingga 31 Mei 2024 adalah seramai jutaan orang.

Antara langkah penguatkuasaan bagi menangani kes-kes tinggal lebih masa, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan secara berterusan melaksanakan operasi memburu warga asing yang didapati tinggal lebih masa. Selain dari operasi penguatkuasaan, Program Repatriasi Migran juga dilaksanakan dan masih berlangsung bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024 di mana program ini menggalakkan warga asing yang telah tinggal lebih masa menyerah diri untuk proses pulang ke negara asal tanpa tindakan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan corak pertumbuhan pendidikan dalam kalangan pelajar pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited menguruskan bidang pendidikan khususnya pembelajaran murid selepas negara dilanda pandemik COVID-19.

Pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM bagi membantu murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19. KPM turut memberikan fokus kepada usaha menangani isu keciciran pendidikan dalam kalangan murid sekolah. Keciciran pendidikan merangkumi keciciran pembelajaran dan keciciran sistem.

KPM memberi penekanan kepada pembangunan karakter murid secara holistik selari dengan prinsip Karamah Insaniah dan bukan hanya berfokus kepada pencapaian akademik semata-mata. Langkah ini penting bagi memacu sistem pendidikan negara berkualiti tinggi setanding dengan pendidikan global.

SOALAN NO : 44

Sebagai usaha mengubah lanskap pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, KPM telah memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan 3 mulai tahun 2022. Selaras dengan pemansuhan ini, tumpuan diberikan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik. PBS dapat menyediakan murid untuk memenuhi keperluan semasa melalui penilaian yang lebih holistik iaitu murid menjadi lebih kreatif, inovatif dan memahami keupayaan diri seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

KPM juga memperkenalkan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) pada peringkat menengah mulai tahun 2021, dan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR) mulai kalendar akademik sesi 2023/2024 pada peringkat sekolah rendah bagi mentaksir kebolehan dan membangunkan potensi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). PASM dan PAPR merupakan satu bentuk pentaksiran khusus untuk mentaksir kemampuan dan kebolehan MBPK bagi membangunkan potensi murid berdasarkan konsep mengesan kebolehan dalam ketidakbolehan (*tapping into ability within disability*) serta berfokus kepada pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian murid pada peringkat pensijilan iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) turut menunjukkan peningkatan pasca pandemik COVID-19. Bagi peperiksaan SPM Tahun 2021, sebanyak 88.1 peratus calon layak memperoleh sijil manakala tahun 2022 menunjukkan peningkatan dengan 91.6 peratus calon layak memperoleh sijil. Pencapaian calon terus meningkat dalam peperiksaan SPM 2023 iaitu 93.5 peratus calon layak memperoleh sijil dan pencapaian ini merupakan yang terbaik sejak tahun 2013 berdasarkan syarat pensijilan SPM yang ditetapkan.

KPM turut melaksanakan program mengatasi keciciran pembelajaran, antaranya ialah Program Pemulihan Khas untuk murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Murid akan diberi bimbingan secara berfokus di Kelas Pemulihan Khas bagi

membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M dan pencapaian program ini adalah memberangsangkan. Pada sesi akademik 2022/2023, bilangan murid pemulihan khas berkurangan sebanyak 1.72 peratus iaitu kepada 7.68 peratus daripada 2,265,911 orang murid sekolah rendah pada tahun berkenaan. Melalui kerjasama antara kementerian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah dalam menjayakan setiap inisiatif, program dan strategi yang dirancang, bilangan murid pemulihan khas bagi sesi akademik 2023/2024 terus berkurangan dengan jumlah 7.25 peratus daripada 2,275,192 orang murid. Penurunan peratus murid pemulihan khas ini kekal menurun sehingga data terakhir bertarikh 26 April 2024 iaitu menunjukkan peratus penurunan sebanyak 0.77 kepada 6.48 peratus daripada 2,268,714 orang murid pada sesi akademik 2024/2025.

Terkini, bertepatan usaha KPM untuk menangani isu kemiskinan multidimensi yang turut berkait rapat dengan akses pendidikan, terutama isu malnutrisi dalam kalangan murid, KPM juga telah memperkasakan lagi inisiatif Rancangan Makanan Tambahan, Program Hidangan Berkhasiat (HiTS) dan Program Susu Sekolah. Program Susu Sekolah memberi manfaat kepada lebih 700,000 orang murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah diseluruh negara.

KPM yakin dengan pelbagai program dan langkah strategik yang dilaksanakan dapat memastikan corak pertumbuhan dan perkembangan yang positif untuk kemenjadian murid yang selaras dengan pendidikan Madani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan bersepadu daripada aspek perundangan bagi menghapuskan penguasaan warga asing di dalam rangkaian perbekalan sayur-sayuran meliputi aspek penanaman, logistik, perbekalan dan penjualan kerana dikhuatiri ianya akan membentuk kartel yang akan mengawal harga sayur-sayuran di pasaran kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

SOALAN NO : 45

JIM secara khususnya turut melaksanakan Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen atau bekerja secara tidak sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 12 Jun 2024, seramai 2,098 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 499 orang PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenience*.

Antara pendekatan yang diambil termasuklah:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya penggunaan sistem baru imigresen iaitu kod QR di Tambak Johor dan Laluan Kedua dapat mengatasi kesesakan dan perlaksanaannya berjalan lancar tanpa timbul sebarang kekeliruan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam menambah baik mutu perkhidmatan operasi pusat pemeriksaan sempadan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor.

Dalam hal ini, KDN melalui JIM telah membuat hebahan secara meluas berhubung aplikasi yang dibangunkan di ICQ BSI dan ICQ KSAB. Kerajaan kini sedang dalam sesi pengujian selama tiga (3) bulan bermula 1 Jun 2024 sehingga 31 Ogos 2024 terhadap aplikasi Kod QR yang dibangunkan di ICQ BSI dan KSAB bagi menggalakkan pengguna supaya lebih *familiar* dengan menggunakan aplikasi tersebut dan mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan.

Inisiatif ini dijangka akan mampu mengurangkan kesesakan di pintu masuk negara dengan signifikan dan *way forward* JIM berhubung inisiatif penggunaan Kod QR ini akan diperluaskan kepada:

- (a) warganegara asing pemegang Pas Jangka Panjang;
- (b) mod perjalanan kereta; dan
- (c) penjana Kod QR berkelompok bagi pengembara secara berkumpulan.

Setelah tamat sesi POC ini, pengembara boleh menggunakan mana-mana aplikasi-aplikasi yang telah dibangunkan ini di kedua-dua pintu masuk BSI dan KSAB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU
LANGAT]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan mengenai proses menaik taraf sistem perparitan dan pengairan Sg Langat dan Sg Semenyih (sungai yang sempit dan cetek) yang tidak mampu menampung lebihan air apabila hujan yang menyebabkan banjir dan ada tebing sungai yang runtuh kesan banjir 2021 masih belum diperbaiki terutamanya di Beranang, Semenyih dan Dusun Tua dalam Parlimen Hulu Langat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan hujan lebat luar biasa pada 17 hingga 18 Disember 2021 telah mengakibatkan limpahan air ke tebing Sungai Langat. Banjir besar telah berlaku di tiga Daerah iaitu Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat.
2. Pada tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 27 kerja-kerja kecil melibatkan peruntukan berjumlah RM 3.3 juta telah dilaksanakan di Parlimen Hulu Langat di bawah Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir RMKe-12. Kerja-kerja ini merangkumi skop pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai serta menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kapasiti air sungai.
3. Selain itu, bagi mengatasi masalah banjir akibat limpahan sungai di kawasan Hulu Langat terutama di kawasan Beranang, Semenyih dan Dusun Tua, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang memohon kelulusan projek RTB Sungai Langat Fasa 2 – Pakej 1 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 5* (RP5) dengan anggaran kos RM516 juta. Sekiranya diluluskan, projek ini akan mula dilaksanakan pada tahun 2025 dan dijangka siap pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan surat setuju terima sistem Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS) antara KDN dan Bestinet akan tamat dalam bulan Jun 2024. Apakah cara-cara KDN menyelesaikan masalah pengurusan kemasukan pekerja asing tanpa sistem FWCMS. Apakah hala tuju KDN dalam masa jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan pekerja asing pada masa ini adalah berteraskan kepada tiga (3) sistem utama yang diguna pakai iaitu *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)*, Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) dan Sistem *MYVISA*. FWCMS digunakan bagi urusan permohonan kelulusan penggajian pekerja asing, permohonan kuota, pemeriksaan kesihatan di negara sumber dan pemeriksaan biometrik di Pintu Masuk Antarabangsa. Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) pula antaranya digunakan untuk urusan permohonan surat kelulusan Visa Dengan Rujukan, pembayaran levi, pengeluaran PLKS dan Memo Periksa Keluar. Manakala MYVISA digunakan bagi tujuan pengeluaran visa di luar negara.

Kerajaan juga sedang membangunkan Sistem NISe yang akan mendigitalkan perkhidmatan Jabatan Imigresen Malaysia ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien. Sistem NISe adalah lebih komprehensif, berintegrasi, berteknologi baharu serta berupaya memenuhi keperluan keimigresenan semasa bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu Sistem MyIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia yang telah beroperasi lebih dari 20 tahun.

Sistem baharu ini dijangka mula beroperasi secara berperingkat di seluruh negara pada tahun 2026 dan disasarkan untuk meningkatkan kualiti penyampaian kemudahan keimigresenan termasuk pengurusan pekerja asing dengan lebih fleksibel serta mengutamakan pengautomasian secara *end-to-end*. Dalam hal ini, semua penambahbaikan yang dirangka dapat memangkin pertumbuhan ekonomi sekaligus membawa kebaikan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) jumlah pengambilan guru baharu mengikut aliran; dan
- (b) jumlah guru yang telah bersara pilihan sejak 3 tahun kebelakangan ini serta punca-punca utama persaraan mereka (dalam peratusan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM sentiasa memastikan keperluan guru mengikut opsyen mata pelajaran mencukupi bagi memastikan setiap murid dapat menjalani proses pembelajaran yang optimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2023, KPM telah berjaya melantik guru baharu seramai seramai 20,171 orang secara lantikan tetap dan *Contract of Service* (CoS). Ini merupakan pencapaian pelantikan tertinggi pernah dicapai oleh KPM yang dilaksanakan dalam tempoh masa setahun.

Bagi tahun 2024, urusan pengambilan guru baharu telah bermula iaitu SPP telah mengeluarkan iklan pengambilan guru baharu pada 1 hingga 26 April 2024. SPP sedang melaksanakan tapisan ke atas permohonan yang telah diterima dan urusan temu duga dijangka akan bermula pada pertengahan bulan Julai 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan rekod KPM, jumlah guru yang diluluskan bersara pilihan sejak tiga (3) tahun kebelakang adalah di antara 4,300 hingga 6,300 orang. Faktor utama yang menyumbang kepada persaraan pilihan sendiri guru adalah disebabkan oleh tidak berminat iaitu sebanyak 72.36%, diikuti oleh faktor keluarga sebanyak 15.21%, faktor kesihatan sebanyak 6.96%, faktor beban tugas sebanyak 3.82% dan faktor masalah peribadi sebanyak 1.64%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sekiranya ada dalam perancangan Kementerian untuk menubuhkan satu badan bebas yang menjalankan *root cause analysis* kepada sistem pejabat tanah dan galian (PTG) sedia ada bagi mengelakkan masalah pertindihan hak milik tanah berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam tidak bercadang untuk menubuhkan badan bebas bagi menjalankan *root cause analysis* kepada sistem Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sedia ada bagi mengelakkan masalah pertindihan hak milik tanah. Sebaliknya, Kementerian ini memberi fokus kepada pelaksanaan pentadbiran tanah secara elektronik, semakan *Standard Operating Procedure* (SOP) serta penggunaan Borang Berkanun sebagai elemen kawalan kualiti dalam aspek pentadbiran tanah.
2. Kementerian ini melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah mengeluarkan Garis Panduan Penyeragaman Format Laporan Tanah Mengikut Urusan Permohonan Di Bawah Perundangan Berkaitan Tanah Dan Penggunaannya Di Semua Pentadbiran Tanah Di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022. Laporan tanah yang seragam dan berkualiti adalah penting bagi mengelakkan ketidaktepatan maklumat tanah yang boleh membawa kepada kelulusan pemberimilikan ke atas tapak yang sama.
3. Bagi memastikan tiada pertindihan hak milik berlaku, penyelarasan data atau maklumat khususnya berkaitan dengan pelan dan syit-litho di antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan pentadbiran tanah negeri juga hendaklah diperkukuhkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030. Apakah halangan dan perancangan Kementerian bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) tetap komited dalam menangani pencemaran sisa plastik khususnya plastik sekali guna menerusi pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 dan *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021-2030* (MPSR).
2. Untuk makluman, Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 telah diperkenalkan pada 17 Oktober 2018. Pelan Hala Tuju ini merupakan rancangan jangka panjang Kerajaan dalam menangani masalah pencemaran plastik di Malaysia secara holistik. Kerajaan telah mengambil pendekatan secara berfasa dalam memperkenalkan setiap tindakan di bawah Pelan Hala Tuju ini supaya lebih berkesan dan bersasar serta membolehkan semua pihak memahami rasional bagi setiap pelan tindakan tersebut. Ini sekali gus akan mendorong pengguna untuk bertindak dan memilih alternatif yang positif serta mesra alam.
3. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri adalah dengan mengenakan caj pencemaran minima sebanyak 20 sen ke atas beg plastik konvensional di premis tetap. Ini adalah selaras dengan pendekatan *user pay principle* yang mana ia akan berfungsi sebagai *deterrent* bagi mengurangkan penggunaan dan pencemaran plastik sekali guna.
4. Selain itu, satu lagi langkah dalam menambah baik pengurusan plastik ialah dengan menerapkan konsep ekonomi kitaran (*circular economy*) dalam rangkaian pengurusan plastik. Langkah ini diyakini akan dapat memastikan plastik yang terhasil adalah plastik boleh dikitar semula. Kerajaan juga berhasrat supaya pembuatan plastik akan ditambah baik secara lestari di peringkat reka bentuk atau *design* agar ia lebih berfokus kepada reka bentuk yang lestari (*sustainable design*).

5. Kementerian sedar bahawa usaha menangani pencemaran plastik melalui 2 pelan hala tuju dan dasar semasa masih belum memadai. Oleh itu, Kementerian kini sedang melihat keperluan untuk mewujudkan satu perundangan khusus berkaitan plastik di Malaysia. Langkah ini diharapkan dapat mempercepatkan peralihan pengurusan plastik daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran. Kementerian percaya ini akan dapat mengurangkan pencemaran sisa plastik.

6. Kementerian juga sedang memperhalusi kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan dalam memperkasakan pengurusan sisa plastik dengan penerapan konsep ekonomi kitaran dengan pelaksanaan “Sistem terima balik dan sistem bayaran balik” (*Deposit Return Scheme - DRS*) seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Justeru itu, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneliti kesesuaian kaedah pelaksanaan sistem ini.

7. Akhir sekali, Kementerian komited dan yakin bahawa kempen dan sesi libat urus berterusan yang melibatkan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan pelestarian plastik ini. Oleh yang demikian, Kementerian akan terus dan kekal bekerjasama dengan semua pihak terutamanya pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (*non government organisation - NGO*) dalam meningkatkan kesedaran masyarakat. Pada masa yang sama, Kerajaan akan berusaha untuk terus menambahbaik pengurusan plastik secara lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
(SRI GADING)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN (SRI GADING) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana pelaksanaan e-invoice oleh LHDN boleh membantu peniaga-peniaga kecil dan pengusaha Industri Kecil & Sederhana (IKS) secara keseluruhannya daripada aspek penambahan pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan penggunaan e-Invois secara berperingkat mulai Ogos 2024 berdasarkan nilai ambang hasil jualan perniagaan. Fasa pertama akan bermula pada Ogos 2024 melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Manakala, fasa kedua melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit akan bermula pada Januari 2025. Seterusnya mulai 1 Julai 2025, semua perniagaan termasuklah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) akan diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois.

Pelaksanaan e-Invois merupakan suatu mekanisme pelaporan hasil jualan dan perkhidmatan kepada pentadbir cukai bagi tujuan meningkatkan tahap pematuhan cukai dan seterusnya membantu Kerajaan dalam menangani isu ekonomi bayangan. Dengan mengadaptasi e-Invois, ianya memberi manfaat yang signifikan kepada PMKS dalam konteks perekodan transaksi penjualan perniagaan dan penyimpanan dokumen yang lebih teratur. Seterusnya, ini juga akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan PMKS.

Kerajaan sedar akan cabaran yang akan dihadapi PMKS dalam mengadaptasi e-Invois ini terutamanya peningkatan kos operasi, penerapan teknologi, dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois. Oleh itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menyediakan Portal MyInvois serta Sistem Point of Sales (POS) yang boleh diakses secara percuma oleh PMKS bagi membantu dan memudahkan penghantaran e-invois kepada LHDNM tanpa peningkatan kos yang signifikan kepada perniagaan. Selain itu, LHDNM sedang dalam proses perbincangan bersama dengan beberapa penyedia rangkaian pembayaran (*payment network provider*) bagi membolehkan entiti ini mengeluarkan e-Invois bagi pihak PMKS. Langkah ini sebagai salah satu penyelesaian digital bagi membantu PMKS dalam mematuhi keperluan pengeluaran e-Invois.

SOALAN NO : 53

Di peringkat awal pelaksanaan e-Invois, pertimbangan diberi kepada PMKS untuk tidak perlu mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan. PMKS boleh dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan PMKS setiap bulan dan hanya perlu dikemukakan kepada pihak LHDNM dalam tempoh tujuh (7) hari pertama bulan berikutnya.

Sebagai tambahan, pihak LHDNM akan mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus yang berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara. LHDNM akan turut menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois. Pegawai LHDNM di peringkat negeri juga akan turun padang dan mengadakan bengkel dan taklimat di seluruh negara bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS.

Kerajaan juga mengambil maklum bahawa proses untuk PMKS terutamanya peniaga kecil mengadaptasi e-Invois memerlukan tempoh masa yang panjang berikutan cabaran dan kekangan yang dihadapi. Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti semula fasa pelaksanaan kepada PMKS bagi memastikan tempoh peralihan kepada e-Invois dapat dilaksanakan secara lebih fleksibel dengan mengambil pendekatan “didik dan perbetul” untuk mengelakkan ketidakpatuhan yang tidak disengajakan. Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua syarikat termasuk PMKS dan peniaga kecil dalam tempoh peralihan dalam melaksanakan e-Invois sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan halangan yang menyebabkan cadangan penyelesaian seperti yang disyorkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menangani masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah masih belum dilaksanakan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (*Royal Commission of Inquiry - RCI*) Mengenai Pendatang Asing di Sabah Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang bertujuan untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan warga asing di Sabah.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara isu yang sering dibangkitkan di Sabah adalah isu dokumentasi bagi orang yang tidak berdokumen (*undocumented*) serta penyeragaman dokumen masyarakat pelarian di Sabah.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Sabah sedang melaksanakan aktiviti Pendataan Digital Warga Asing di Sabah. Pendataan ini dilaksanakan bagi tujuan pendataan dan merekod keberadaan warga asing di Sabah. Inisiatif pendataan digital ini sedang dijalankan dan melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi menyelesaikan permasalahan kepelbagaian dokumen di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi pertumbuhan dalam sektor tenaga yang boleh diperbaharui dalam meningkatkan kecekapan tenaga dan dapat mengurangkan kebimbangan di dalam ekosistem alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pertumbuhan dalam sektor tenaga boleh baharu (TBB) serta peningkatan penerapan amalan kecekapan tenaga, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- a) Pertama, bagi merencanakan pertumbuhan sektor TBB, Kerajaan telah menetapkan sasaran dan dasar peningkatan kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik yang jelas, iaitu peningkatan kapasiti TBB kepada 70% menjelang tahun 2050, melalui Pelan Dasar Halatuju Peralihan Tenaga Negara. Aspirasi peralihan tenaga ini turut disokong dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif TBB seperti Program Large Scale Solar, Net Energy Metering, Solar Self Consumption (SelCo), Feed-in Tariff dan Low Carbon Power Generation Programme.
- b) Kedua, untuk memperluaskan penerapan kecekapan tenaga pula, dari segi dasar dan perundangan, Kerajaan telah memperkenalkan Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap (*Efficient Management of Energy Efficiency Regulation - EMEER*) sejak tahun 2008. Peraturan ini menetapkan pengguna tenaga elektrik yang tinggi iaitu sebanyak 3 juta kWj untuk 6 bulan berturut-turut untuk mengadakan program pengurusan tenaga, melaksanakan aktiviti penjimatan tenaga berterusan dan membuat pelaporan secara berkala.
- c) Ketiga, Kerajaan memperkenalkan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Kebangsaan (NEEAP) 2016 – 2025, yang menyasarkan pengurangan permintaan tenaga elektrik sebanyak 8% pada tahun 2025, bersamaan dengan jangkaan penjimatan sebanyak 52,000 Gigawatt jam yang menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Green House Gases - GHG*) sebanyak 38 juta tan CO₂ sepanjang tempoh 10 tahun.

SOALAN NO : 56

2. Selain itu, Kementerian ini sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang Akta Kecekapan Tenaga (RUU EECA) dalam sesi Dewan Rakyat pada kali ini. Penguatkuasaan EECA ini akan membantu dalam menggalakkan lagi penggunaan tenaga secara holistik dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek ternakan udang di Kerpan selepas diambil alih oleh Blue Archipelago Bhd, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ternakan udang di ladang Kerpan yang diambil alih oleh Blue Archipelago Berhad (Blue Archipelago) pada tahun 2008 menempatkan 227 kolam penternakan udang di atas tanah seluas kira-kira 370 hektar. Sejak pengambilalihan, Blue Archipelago masih meneruskan tanggungjawab dan kewajipannya selaras dengan mandat yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan.

Pengeluaran udang dari ladang Kerpan adalah sekitar 1,000 ke 1,800 tan metrik setiap tahun dan ia menyokong usaha mengukuhkan keterjaminan makanan negara. Pengeluaran udang di ladang Kerpan ini menyumbang kepada sekitar dua (2) ke lima (5) peratus kepada nisbah sara diri atau dengan izin, *self-sufficiency ratio* atau SSR, pengeluaran udang Malaysia.

Hasil pengeluaran udang tersebut diproses di kilang milik sendiri bagi tujuan eksport ke pasaran Asia Pasifik termasuk China, Jepun dan Korea Selatan. Hasil pengeluaran yang dikhususkan untuk tujuan eksport adalah sebanyak sekitar 10% daripada pengeluaran udang keseluruhan dengan 90% lagi dikhususkan untuk pasaran tempatan.

Operasi pengeluaran udang di ladang Kerpan ini merupakan sumber pendapatan penting kepada 340 individu, termasuk 241 penternak udang dan selebihnya pekerja yang menyumbang kepada kerja-kerja pemprosesan di ladang ternakan udang ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status laporan polis seorang Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendakwa bahawa beliau dipukul oleh seorang pengawal Tunku Mahkota Johor dan sama ada siasatan telah pun diambil terhadap anggota polis yang dikatakan mendorong OKU tersebut untuk tidak meneruskan dengan aduannya tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis yang dibuat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) yang juga mangsa mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. Setakat ini Kertas Siasatan tersebut telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara.

Justeru, saya memberi jaminan bahawa PDRM akan menjalankan siasatan secara telus dan adil berlandaskan lunas perundangan negara. Saya mohon agar PDRM diberikan kepercayaan dan ruang sepenuhnya menjalankan siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menyediakan generasi akan datang dengan perkembangan digital yang pesat terutamanya aplikasi kepintaran buatan (*Artificial Intelligence (AI)*) yang semakin mendapat tempat di dunia ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan secara berterusan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 yang turut mengambil kira perkembangan teknologi terkini. Ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Digital (DPD) untuk melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing. DPD merupakan pernyataan komitmen Kerajaan untuk memperkasakan ekosistem pendidikan digital termasuk menyokong penguasaan ilmu murid melalui penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*).

Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid yang dapat meningkatkan kompetensi digital murid melalui aktiviti bengkel dalam talian dan pertandingan berkaitan teknologi digital yang mengintegrasikan AI. Sebanyak lapan aktiviti sedang giat dilaksanakan sepanjang tahun 2024 iaitu *Imagine Cup Junior*, *Digital Storytelling Animation*, *ASEAN Data Science Explorer*, *Pembangunan Aplikasi Android*, *Minecraft Education Challenge*, *iOS App Ideation Challenge*, *Creativity@School* dan *Digital Ninja*.

KPM juga menyediakan pelantar pembelajaran digital, *Digital Educational Learning Initiative (DELIMa)* sejak Julai 2019. Pelantar DELIMa turut mengandungi sebanyak 14 aplikasi berkaitan AI yang merangkumi sembilan aplikasi AI seperti Gemini, ChatGPT, Bing AI, dan Conker AI yang berperanan membantu guru merancang pengajaran, menyediakan kuiz, dan mencipta sumber pendidikan yang dapat meningkatkan produktiviti guru dan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, DELIMa menyediakan lima kursus dan latihan AI kepada guru, seperti *Khan Academy: AI for Education*, *AI 101 for Teachers oleh Code.org*, dan *ISTE: Artificial Intelligence in Education* untuk meningkatkan kemahiran guru menggunakan AI dalam PdP. Menerusi DELIMa juga, guru-guru dapat menggunakan sumber pendidikan berasaskan AI seperti Microsoft Education AI Toolkit, hasil kerjasama KPM dengan Microsoft, yang dapat

memperkaya pengalaman PdP serta menjadikan pembelajaran murid lebih menyenangkan.

KPM turut bekerjasama dengan Google menerusi program *Gemini AI Academy* melaksanakan sesi latihan kejurulatihan (*training of trainers - TOT*) kepada guru untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan aplikasi Gemini bagi membangunkan rancangan pelajaran yang kreatif dan sumber pendidikan yang menarik berdasarkan AI. Selain itu, KPM bekerjasama Pixlr menerusi program *Pixlr: Making Design Smarter, Faster, Easier with The Help of AI* untuk meningkatkan kompetensi digital guru. Guru dilatih untuk menyunting grafik dan mencipta kandungan visual yang menarik menggunakan kecerdasan buatan (AI) bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sehingga 23 Mei 2024, seramai 575 guru telah mengikuti latihan penyuntingan menggunakan aplikasi Pixlr.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas penguasaan ilmu murid dalam penggunaan teknologi dilaksanakan menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KPM telah memperkenalkan *coding* bermula dari tahun 4 sekolah rendah melalui mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Pada peringkat sekolah rendah, murid diperkenalkan dengan bahasa pengaturcaraan Scratch yang merupakan bahasa pengaturcaraan visual berasaskan blok. Manakala pada peringkat menengah rendah, murid mendalami bahasa pengaturcaraan Scratch, HTML dan Python untuk menghasilkan aplikasi mudah dalam mata pelajaran Asas Sains Komputer (ASK). Murid juga belajar mengenali bahasa pengaturcaraan Python yang berasaskan teks untuk menghasilkan aplikasi dan HTML untuk membina laman web. Pada peringkat menengah atas pula, menerusi mata pelajaran Sains Komputer (SK), murid berpeluang mempelajari Bahasa Pengaturcaraan Java untuk menghasilkan aplikasi dan Bahasa pengaturcaraan JavaScript serta PHP dalam penghasilan aplikasi berasaskan web. Adalah menjadi matlamat bagi mata pelajaran ASK dan SK untuk melahirkan murid yang dapat menyelesaikan masalah menggunakan pemikiran komputasional dan dapat menghasilkan produk digital.

SOALAN NO : 59

Seterusnya, murid akan diperkenalkan dengan asas AI di peringkat sekolah rendah dalam mata pelajaran baharu iaitu Teknologi dan Digital manakala penerokaan lanjut serta aplikasi AI akan diteruskan di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran yang sama dalam Kurikulum Persekolahan 2027. AI juga diterapkan dalam mata pelajaran Sains Komputer, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan Reka Bentuk Teknologi (RBT).

Kurikulum Persekolahan 2027 yang sedang dirangka ini menggabungkan kurikulum berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi. Fasih Digital merupakan satu daripada tujuh kompetensi yang perlu dikuasai oleh murid. Murid fasih digital berkemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah serta mencipta sesuatu yang baharu dengan menggunakan konsep pemikiran komputasional. Antara pengetahuan dan kemahiran digital yang akan diterapkan dalam kurikulum baharu ini berkaitan dengan AI.

KPM sentiasa komited untuk menambah baik sistem pembelajaran berasaskan teknologi dan digital secara berterusan untuk memastikan murid dapat menyesuaikan diri dan bersedia menghadapi cabaran dan peluang masa depan yang membabitkan teknologi pintar seperti AI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab utama Axiata Group Berhad, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) telah mengalami kerugian sejumlah RM3.6 bilion di Nepal dan mengapa setakat hari ini, penglibatan pegawai selia dan pemimpin yang terlibat dalam transaksi sebesar ini tidak dihadapkan ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk berundur dari pasaran Nepal telah dilaksanakan setelah pertimbangan teliti oleh Ahli Lembaga Pengarah Axiata Group Berhad (Axiata) dengan mengambil kira sepenuhnya tentang apa yang terbaik untuk Axiata dan para pelaburnya. Langkah ini penting untuk memperkukuhkan dan membentuk semula portfolio Axiata bagi kemampanan jangka panjang serta pulangan kepada pemegang saham.

Axiata melihat Nepal sebagai pasaran dengan perlindungan pelaburan asing yang tidak jelas, tuntutan cukai yang tidak adil dan ketidaktentuan kawal selia. Sekiranya Axiata meneruskan operasinya di Nepal, ia berpotensi menyebabkan kos yang lebih tinggi. Axiata juga telah secara aktif melaksanakan libat urus bersama Kementerian Luar Negeri dengan Kerajaan Nepal dan cuba memanfaatkan semua pilihan sebelum pengunduran dari pasaran Nepal. Ini adalah pengunduran yang bersih dengan indemniti penuh dan tanpa liabiliti serta perkongsian potensi keuntungan. Meskipun mencatatkan kerugian dalam pelaburan di Nepal, Kumpulan Axiata telah mencapai keuntungan bersih terkumpul lebih daripada RM25 bilion sejak 2008 iaitu tahun terbitan IPO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimana untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor koperasi serta menjadikan koperasi sebagai sumber perniagaan alternatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) komited dalam meningkatkan keterlibatan masyarakat termasuk golongan belia dalam kegiatan berkoperasi. Sehingga 31 Disember 2023, terdapat sebanyak 3,055 koperasi belia yang terdiri daripada koperasi di peringkat sekolah, kolej atau pusat latihan awam, institut kemahiran, politeknik dan universiti.

2. Menyedari kepentingan golongan belia bagi kesinambungan kepimpinan sesebuah koperasi, KUSKOP menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa berusaha meningkatkan penyertaan golongan belia dalam gerakan koperasi melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) pada tahun 2023, SKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan Program *Young Entrepreneurs Strive For Success (YESS)* yang

bertujuan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan kolej vokasional untuk melahirkan lebih ramai usahawan serta memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institusi pembudayaan keusahawanan koperasi;

- (ii) SKM dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan *Asia Pacific Cooperative Youth Summit (APCYS)* pada Julai 2023 di Sabah. Program ini melibatkan golongan belia yang mana mereka diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan gerakan koperasi di negara masing-masing. Program ini juga menekankan agar golongan belia bersama-sama menggalakkan gaya hidup mampan sambil menghayati nilai kerjasama dan bentuk perusahaan perniagaan secara berkoperasi;
- (iii) sepanjang tahun 2023, SKM telah menganjurkan sebanyak 368 program pengukuhan, penggalakan dan pembudayaan koperasi di seluruh negara melibatkan pelbagai kumpulan sasar termasuk golongan belia. Antaranya ialah Program Keusahawanan dan Kebolehpasaran Belia dan Siswa, *Walkabout* Menteri KUSKOP Bersama Anak Muda Berkoperasi serta Program Membudayakan Integriti dan Bebas Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Belia dan Koperator; dan
- (iv) KUSKOP turut menggunakan saluran pendidikan sebagai salah satu cara untuk menyampaikan kesedaran serta menarik minat belia terhadap sektor koperasi melalui penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) pada tahun 2022. Sehingga kini, UKKM sedang melatih seramai 46 orang pelajar bermula di peringkat Diploma hingga Ijazah Sarjana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan kes dan pendakwaan terhadap suspek yang melakukan jenayah ancaman keselamatan terhadap pemimpin politik iaitu kes serangan '*molotov cocktail*' di kediaman Ahli Parlimen Beruas dan ugutan bunuh terhadap Ahli Parlimen Seputeh.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan Negara berlandaskan Nilai Ihsan, Kesejahteraan, Keyakinan dan Kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung **kes khianat dengan 'molotov cocktail' melibatkan rumah Ahli Parlimen Beruas** bersabit laporan polis yang dibuat dan disiasat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat. Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Perak untuk pandangan dan pertimbangan.

Manakala bagi siasatan **kes ancaman bunuh terhadap Ahli Parlimen Seputeh**, pihak PDRM telah menerima laporan polis dan kes disiasat di bawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan iaitu Ugutan Jenayah dan masih dalam siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil dan mengiktiraf takrif violent extremists dengan memasukkan kumpulan fanatical human rights groups dan overzealous leftists dalam NAP. Takrif ini telah disebut dalam sebuah jurnal yang dikeluarkan oleh Journal of Public Security and Safety, milik KDN tetapi masih kabur dan tidak jelas.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Susulan keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ingin memastikan semua negara ahli memiliki pelan tindakan masing-masing, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil tanggungjawab untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (NAPPCVE).

Dalam konteks Malaysia, pelan tindakan yang berasaskan latar belakang budaya setempat yang dikenali sebagai Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*Malaysian Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism - MyPCVE*) telah dibangunkan. MyPCVE merupakan garis panduan utama dalam menyelaraskan peranan, strategi dan inisiatif tindakan oleh pelbagai sektor iaitu kerajaan, swasta, media massa, pendidikan mahupun pelbagai kategori kumpulan masyarakat. Kerangka ini menyasarkan untuk menangani ancaman fahaman pelampau keganasan bersandarkan kepada empat teras, iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

Berkait Artikel dalam *Journal of Public Security and Safety* yang dirujuk oleh YB Bukit Bendera, ia adalah pandangan atau cadangan dari perspektif akademik atau kajian polisi semata-mata. Takrifan "*violent extremism*" yang dinyatakan di dalam MyPCVE merujuk kepada individu atau kumpulan yang menggunakan atau menyokong penggunaan kekerasan untuk mencapai matlamat ideologi, politik atau agama yang bertentangan dengan perundangan domestik dan antarabangsa dan ia selari dengan takrifan umum yang lazim digunakan dalam artikel-artikel akademik berkait keganasan. Dalam hubungan ini, rujukan seperti "*fanatical human rights groups*" dan "*overzealous leftists*" sebagai *violent extremism* tidak digunakan di bawah MyPCVE.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana tulisan Jawi dapat dikembalikan dalam peperiksaan di sekolah harian peringkat menengah atas setelah ditamatkan di peringkat menengah atas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa secara keseluruhan, kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disediakan dalam tulisan rumi. Kertas peperiksaan bagi mata pelajaran aliran agama seperti Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah pula disediakan dalam tulisan jawi. Pada peringkat peperiksaan SPM, jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi bagi kertas peperiksaan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPM sentiasa komited untuk mengangkat martabat tulisan jawi dengan memperkenalkan bidang pembelajaran jawi pada peringkat sekolah rendah dan menengah melalui mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pembelajaran tulisan jawi akan terus diperkasakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam pada peringkat sekolah rendah dan menengah melalui pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027. Pembelajaran tulisan jawi pada peringkat sekolah rendah akan menekankan kemahiran literasi jawi selama dua tahun bagi murid Tahap 1 dan akan diteruskan lagi dengan pelbagai kemahiran tulisan jawi pada Tahap 2 dan Tahap 3.

Pada peringkat menengah, kandungan pembelajaran tulisan jawi akan menekankan kepada pengukuhan dan pengayaan dalam kemahiran membaca dan menulis serta melestarikan tulisan jawi sebagai warisan budaya. Seterusnya, bagi memperkukuh penguasaan tulisan jawi dalam kalangan murid, modul literasi dan modul pengayaan turut akan digubal.

Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 diharap akan dapat melahirkan murid yang mampu menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam tulisan jawi di samping memupuk rasa cinta terhadap tulisan jawi sebagai satu warisan budaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN (PUTRAJAYA)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN (PUTRAJAYA) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan terburu-buru hendak menyah senarai MAHB daripada Bursa Malaysia melalui satu Konsortium dengan tujuan untuk diberikan kepada dua syarikat asing satu blok saham yang besar, iaitu sebanyak 30%, sedangkan MAHB bukan syarikat yang rugi dan bermasalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang berperanan untuk menguruskan rangkaian 39 lapangan terbang di Malaysia. Di sebalik prestasi memberangsangkan yang dicatatkan oleh MAHB bagi suku pertama 2024, kita tidak boleh menafikan masih wujud ruang untuk penambahbaikan, khususnya mengambil kira hasil tinjauan antarabangsa sejak kebelakangan ini di mana KLIA mencatatkan penurunan dari segi *ranking*.

Lapangan terbang memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, usaha pembaharuan dan transformasi MAHB wajar dilaksanakan dengan kadar yang segera berdasarkan pada statistik berikut:

SOALAN NO : 65

- a) Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun;
- b) Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada 2023, berbanding 40 yang ditawarkan Singapura dan 55 yang ditawarkan Thailand; dan
- c) Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Atas dasar inilah, konsortium tersebut yang diterajui oleh Khazanah dan KWSP, selepas ini akan memiliki majoriti 70% pegangan bersama dalam MAHB. Mereka telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih dan menswastakan MAHB untuk memudahkan pembaharuan yang diperlukan ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Baki 30% pegangan di bawah konsortium ini pula akan dimiliki oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP yang hadir dengan pengalaman dan kepakaran teknikal dalam pengendalian operasi lapangan terbang antarabangsa.

Konsortium tersebut beranggapan bahawa penswastakan MAHB merupakan langkah yang terbaik kerana ia membolehkan sebarang keputusan dan pelaburan jangka panjang dibuat pada kadar yang lebih pantas. Antara fokus utama yang akan diberikan tumpuan oleh konsortium berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Menyiapkan projek bermodal berkeutamaan tinggi;
- b) Meningkatkan pengalaman penumpang di semua lapangan terbang;
- c) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan;
- d) Mempercepatkan pelaburan modal; dan

SOALAN NO : 65

- e) Membangunkan perniagaan sampingan di sekitar lapangan terbang.

Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini sekiranya membuah hasil nanti akan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan dan penumpang, sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock. Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium bahawa meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat- syarikat yang dilabur.

Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock. ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30% dalam MAHB. Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi ini tidak melibatkan BlackRock sama sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Manndzri bin Nasib minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha serta tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menyemai serta menerapkan konsep Rukun Negara terutamanya prinsip kedua Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang dilihat semakin luntur di kalangan masyarakat terutamanya generasi Y.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk menjadikan Rukun Negara sebagai asas dan panduan dalam kehidupan berkomuniti di negara ini. Rukun Negara ditubuhkan untuk menanam nilai-nilai murni seperti nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta membentuk masyarakat yang mengamalkan nilai kesopanan dan berakhlak mulia.

2. Sejak penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, Rukun Negara telah dijadikan sebagai asas pencapaian aspirasi perpaduan nasional. Dasar Perpaduan Negara juga telah dibangunkan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dasar Perpaduan Negara adalah dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan dalam Kepelbagaian” untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

3. Rukun Negara juga berperanan sebagai pengikat dan pembina semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Rukun Negara turut menterjemahkan kemajmukan dan kepelbagaian yang terdapat dalam Malaysia yang bertunjangan konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian. Prinsip menghormati, memahami, dan menerima dalam kalangan rakyat adalah asas kesinambungan kesepaduan dan keharmonian negara.

4. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menitikberatkan kepada penerapan empat elemen Rukun Negara iaitu (i) pengukuhan pengetahuan, (ii) pemahaman, (iii) penghayatan; dan (iv) pengamalan; khususnya kepada generasi muda, untuk membentuk individu yang matang dan peka dalam menangani cabaran yang mengancam keharmonian kaum, termasuk provokasi dan perkara yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

5. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan kerjasama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha penerapan Rukun Negara di sekolah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan institut pengajian tinggi melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) semenjak tahun 2004. Penerapan Rukun Negara dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dengan penyertaan pelbagai etnik dalam menghargai nilai kebersamaan yang dimiliki bersama dan meningkatkan tahap patriotisme serta pembentukan sendiri yang positif dalam diri generasi muda. Elemen Rukun Negara dijadikan asas dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan sebagai usaha mencorakkan murid dan belia yang holistik dalam semua aspek demi pemantapan masa depan negara yang maju, aman dan sejahtera. Sehingga 31 Mac 2024 terdapat **sebanyak 6,849 KRN di sekolah dan 189 SRN di IPT seluruh negara.**

6. Selain daripada itu, Penerapan nilai-nilai perpaduan dan hidup bermasyarakat diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan (TP). Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan di peringkat awal persekolahan agar sentiasa dijiwai dan dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.

7. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023 telah meluluskan supaya lafaz ikrar Rukun Negara kini dibaca penuh bermula dengan mukadimah, diikuti lima (5) prinsip Rukun Negara di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.

8. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu Ekplorasi Rukun Negara (ERN). Majlis Pelancaran Ekplorasi Rukun Negara telah dilaksanakan pada 13 Ogos 2023 oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Inisiatif ini merupakan usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. ERN memberi

penekanan kepada empat nilai utama iaitu patriotisme dan kenegaraan; inovasi dan teknologi; kesukarelawan; serta kepimpinan dan jati diri. ERN diketengahkan dengan pelbagai pengisian dalam konteks agenda kenegaraan dan patriotisme yang bersifat segar dan terkini dengan pengisian utama bacaan penuh ikrar Rukun Negara.

9. Pemerkasaan pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara seterusnya dilancarkan di semua peringkat iaitu pelancaran di peringkat sekolah pada 14 Ogos 2023 yang disempurnakan oleh kedua-dua YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri Pendidikan. Seterusnya di peringkat Universiti dilancarkan pada 2 Oktober 2023 di Universiti Putra Malaysia yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk KSU KPN. Manakala bagi yang melibatkan pemimpin negara, lafaz Ikrar Penuh Rukun Negara telah dilaksanakan semasa pembukaan Sidang Parlimen pada 26 Februari 2024. Eksplorasi Rukun Negara akan terus disemarakkan di peringkat komuniti pada tahun 2024 dengan Kerjasama pelbagai agensi dan rakan strategik.

10. Usaha-usaha ke arah pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian rakyat terus diperkasakan melalui pelaksanaan program-program berikut:

i) Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara

Program ini berkonsepkan pertandingan debat ala parlimen yang menyasarkan penglibatan setiap ahli pasukan yang terdiri daripada ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) pelbagai kaum. Pertandingan ini terbuka kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mempunyai diploma atau ijazah sarjana muda di IPT masing-masing. Program ini adalah selari dengan misi Kementerian Perpaduan Negara untuk meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat. Kementerian komited untuk memastikan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara ini menjadi salah satu medium dalam untuk mengukuhkan penyatupaduan dan pembudayaan

perpaduan dalam kalangan mahasiswa di peringkat Institut Pengajian Tinggi.

ii) Bicara Perpaduan

Wadah perkongsian ilmu mengenai topik perpaduan dan keharmonian, di mana ilmuwan menyampaikan pengetahuan kepada orang awam untuk mengukuhkan pemahaman dan penerimaan berkaitan dengan kenegaraan dan kepelbagaian adat budaya masyarakat pelbagai etnik.

iii) Program Jalinan Integrasi Nasional

Program ini berlandaskan kepada tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu faham, hormat dan terima dalam kalangan peserta program. Program ini berkonsepkan program anak angkat. Peserta program terdiri daripada penjawat awam dan mahasiswa yang akhirnya diharapkan dapat meningkatkan kefahaman mereka mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara.

iv) Raja Kita Payung Kita

Program ini bermatlamat mewujudkan rasa kasih sayang dan tanggungjawab setiap warganegara untuk mempertahankan kedaulatan negara serta menghormati Institusi Di-Raja sebagai Ketua Negara. Pengisian program adalah meliputi Simposium “Negeri Beradat, Raja Berdaulat”, Ekspolarasi Sejarah Raja Kita, Jelajah Warisan, Tayangan video dokumentari Pertabalan Diraja dan Permainan Rakyat Warisan Kita.

Sempena Istiadat Pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVII pada tahun 2024 ini, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) akan menganjurkan Pameran Raja Kita. Objektif utama pameran adalah untuk mendekatkan rakyat dengan Yang di-Pertuan Agong menerusi paparan segmen-

segmen yang berkaitan dengan institusi Yang di-Pertuan Agong dan keperibadian baginda. Penganjuran pameran ini bertepatan dengan prinsip kedua Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara yang menunjukkan kesepaduan dan keharmonian seluruh rakyat Malaysia yang merentasi sempadan negeri, kaum dan agama di bawah naungan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

iv) Podcast Bicara Harmoni

Program ini adalah wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Matlamat utama program ini adalah untuk mengukuhkan interaksi sosial masyarakat berbilang kaum dan agama, melalui sikap saling memahami, hormat-menghormati serta menerima kepelbagaian dan perbezaan sebagai satu kekuatan Rakyat Malaysia. Program Podcast ini menampilkan hos dan panel jemputan berlainan agama dan kaum yang terdiri daripada golongan profesional seperti peguam, doktor dan ahli akademik serta mempengaruhi media sosial. Tajuk-tajuk akan dibincangkan mengikut perspektif budaya, adat dan tradisi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju dan strategi kemandirian ekonomi dalam Dasar Pendidikan Negara dan adakah Kementerian mempunyai plan pendidikan berasaskan jaminan kerjaya dan karier sejajar dengan keperluan tenaga kerja semasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem pendidikan di Malaysia berfokus untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan menghayati nilai, seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan PPPM 2013-2025. Justeru, KPM sentiasa memastikan pelaksanaan kurikulum menyasarkan enam aspirasi kemenjadian murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional untuk menyediakan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan bagi memenuhi aspirasi negara.

Antara strategi kemandirian ekonomi dalam Dasar Pendidikan Negara adalah melalui penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tidak hanya tertumpu pada satu mata pelajaran sahaja. Antara

SOALAN NO : 67

EMK yang diperkenalkan adalah bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan dan kelestarian global. EMK bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, berdaya cipta dan berdaya saing serta mampu menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Murid dididik mempersiapkan diri untuk menghadapi keadaan yang tidak menentu dan meningkatkan kemahiran diri bagi mengatasi cabaran kehidupan.

KPM komited dalam memastikan semua murid lepasan tingkatan 3 iaitu seawal usia 15+ tahun yang berminat dan berkecenderungan kepada bidang kemahiran tanpa mengira latar belakang akademik, mempunyai ruang dan peluang untuk mendapatkan pendidikan TVET yang berkualiti serta dapat menyumbang sebagai tenaga kerja mahir negara pada masa hadapan di mana kolaborasi dengan industri berimpak tinggi bagi menyediakan ruang dan peluang kepada murid memiliki keupayaan dan kemahiran yang memenuhi permintaan industri bagi tenaga kerja tempatan. Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Industri TVET (JHiTVET), KPM menjalinkan pelbagai kerjasama dengan pihak industri dalam memastikan program TVET KPM diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menyediakan laluan kerjaya murid.

Kebolehpasaran graduan KV KPM adalah tinggi memandangkan usaha berterusan KPM yang sentiasa mengadakan kerjasama strategik dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), industri, Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS) serta pelbagai agensi awam dan swasta. Sasaran ini jelas tercapai melalui kebolehpasaran graduan KV yang berada pada tahap melebihi 95%. Pada tahun 2021, kebolehpasaran graduan kolej vokasional ialah 99.16 peratus dan pada 2022 ialah 99.38 peratus.

Bagi mencapai peratus kebolehpasaran yang tinggi, pelbagai usaha dilaksanakan KPM untuk memastikan graduan yang dilahirkan daripada kolej vokasional berkualiti dan menepati keperluan industri semasa. Antara usaha yang dilaksanakan adalah melaksanakan program KV Digitalpreneur kepada kumpulan sasar daripada murid tahun akhir KV yang cenderung dan

minat kepada keusahawanan.

Program khusus ini dirangka khas berfokus kepada aspek keusahawanan digital bagi mempersiapkan bakal graduan dengan ilmu dan kemahiran berkaitan ekonomi digital masa kini agar mereka dapat keluar sebagai graduan yang mantap bagi mendepani cabaran ekonomi digital sekaligus meningkatkan kualiti kebolehpasaran KV dalam aspek keusahawanan. Kerjasama strategik bersama syarikat yang terkemuka juga merupakan inisiatif penting bagi memberi peluang dan pengalaman kepada bakal graduan KV menjalani latihan industri di syarikat bertaraf global. Semua inisiatif ini bertujuan melahirkan graduan KV KPM yang mantap dan kalis masa hadapan.

Selain itu, KPM kini sedang dalam proses transisi daripada PPPM 2013-2025 kepada pelan pembangunan pendidikan baharu dan dalam masa yang sama kurikulum persekolahan 2027 sedang dibangunkan. Sehubungan itu, KPM telah menubuhkan pasukan petugas khas bagi menerajui perancangan, hala tuju dan pembangunan pendidikan bagi tempoh sepuluh tahun akan datang bermula tahun 2026.

KPM yakin dengan usaha yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan martabat pendidikan dan latihan teknikal vokasional sebagai pendidikan arus perdana. Pemerkasaan TVET KPM dapat memastikan murid disediakan dengan laluan kerjaya masa hadapan serta menjamin kebolehpasaran yang tinggi khasnya bagi murid yang cenderung untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, menjadi usahawan atau menyertai industri sebagai tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi serta berpengetahuan. KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap sistem pendidikan negara dengan pelibatan dan sokongan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan daya pengeluaran komoditi (lada, getah dan kelapa sawit) bagi membantu dan mengembalikan kestabilan ekonomi Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sentiasa komited untuk meningkatkan daya pengeluaran sektor komoditi bagi membantu dan mengembalikan kestabilan ekonomi Negara. Untuk **Sektor Sawit**, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa mempergiatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam operasi ladang seperti usaha-usaha di bawah Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Kelapa Sawit (MARCOP) dan Program Insentif Mekanisasi dan Automasi untuk Komoditi.
2. Selain itu, MPOB juga memastikan penanam sawit terutamanya pekebun kecil mempraktikkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practises*) dan melaksanakan program tanam semula sawit secara bersepadu bagi memastikan pokok-pokok sawit tua dan tidak produktif ditebang dan ditanam semula dengan anak benih sawit yang berkualiti tinggi. Program Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil 2.0 (TSPKS 2.0) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2024 dengan peruntukan sejumlah RM100 juta telah disediakan khusus untuk pekebun kecil persendirian yang layak.
3. Bagi **Sektor Getah** pula, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) komited untuk meningkatkan pengeluaran getah asli tempatan melalui Konsolidasi Kawasan Getah Terbiar Menggunakan Pendekatan Kluster. Selaras dengan Kerangka Strategik Malaysia Madani, KPK dengan penglibatan beberapa Kementerian lain, Agensi Pelaksana, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan ladang-ladang milik syarikat swasta yang berada dalam rantai bekalan sedang membangunkan model kluster dan konsolidasi.
4. Penglibatan semua Agensi Pelaksana berkaitan getah secara bersepadu dan disokong oleh sektor pertengahan (pemprosesan)

NO. SOALAN : 68

dan pengilang/pengeluar produk berasaskan getah (swasta) akan dijangka dapat merealisasikan harapan Kerajaan meningkatkan pengeluaran getah asli di Negara pada masa akan datang.

5. Berkenaan **Sektor Lada**, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah menggariskan kemampuan industri lada melalui jumlah hasil dan kualiti yang tinggi sebagai fokus utama untuk meningkatkan daya pengeluaran komoditi lada secara berterusan.
6. Usaha dan inisiatif yang sedang dijalankan adalah melalui penyaluran bantuan khusus kepada pekebun kecil lada seperti Skim Tanaman Lada Baharu (STLB), Skim Tanaman Lada Matang (STLM) dan Pembangunan Pengeluaran Lada Premium (PPLP). Bantuan-bantuan ini bertujuan menggalakkan para pekebun kecil lada meningkatkan saiz kebun dan seterusnya berupaya meningkatkan jumlah kuantiti lada yang dihasilkan.
7. MPB juga memberi pendidikan dan pendedahan kepada pekebun kecil lada di seluruh Negara melalui kursus-kursus yang ditawarkan seperti Kursus Teknologi Penanaman Lada (KTPL) dan Kursus Pengeluaran Keratan Lada (KPKL). MPB turut menyasarkan peningkatan produktiviti lada melalui adaptasi teknologi *Internet of Things* (IoT) untuk meningkatkan kecekapan dan memodenisasikan kaedah penanaman lada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Program **PERMATA** susulan penjenamaan semula daripada Program **GENIUS** sejak Ogos 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, hanya penamaan program sahaja telah ditukar susulan penjenamaan semula daripada Program GENIUS sejak Ogos 2023, seperti berikut:

1. Program GENIUS Negara ditukarkan kepada Program PERMATA Negara;
2. Program GENIUS Kurnia ditukarkan kepada Program PERMATA Kurnia;
3. Program GENIUS@Pintar ditukarkan kepada Program PERMATA@Pintar;
4. Program GENIUS Insan ditukarkan kepada Program PERMATA Insan;
5. Program GENIUS Seni ditukarkan kepada Program PERMATA Seni;
6. Program GENIUS Remaja ditukarkan kepada Program PERMATA Remaja; dan
7. Program GENIUS STEM *Talent* ditukarkan kepada Program PERMATA STEM *Talent*.

Fungsi semua program PERMATA masih lagi dikekalkan dan berjalan seperti biasa. Operasi di bawah Program PERMATA juga tidak terjejas serta diselaras dan dikendalikan berdasarkan aspirasi dan fungsi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik terkini jumlah banduan yang dibenarkan bebas awal menerusi program Pelepasan Banduan Secara Berlesen. Adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan program tahanan dalam rumah bagi individu yang berkelayakan sebagai salah satu cara mengurangkan kesesakan dalam penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu kesesakan dalam penjara merupakan perkara yang sentiasa diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Penjara Malaysia komited untuk melaksanakan pelbagai usaha untuk menangani isu kesesakan dalam penjara khususnya melalui program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Antara program yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL). Mengikut rekod Jabatan Penjara Malaysia, statistik terkini jumlah banduan yang dibenarkan bebas awal menerusi program PBSL adalah seramai **31,742 Orang Bebas Berlesen (OBB)** dari tahun 2022 sehingga kini. Program PBSL ini juga turut boleh dipertimbangkan untuk kategori banduan berusia, kurang upaya, sakit kronik dan wanita mengandung yang menjalani hukuman penjara empat (4) tahun dan ke bawah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDN juga sedang meneliti pelaksanaan program tahanan rumah kepada individu yang layak melalui penggubalan akta baharu sebagai salah satu usaha untuk menangani isu kesesakan dalam penjara dan juga reformasi institusi penjara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan dilaksanakan Kementerian bagi membendung masalah-masalah kritikal pendidikan negara seperti yang didedahkan oleh Bank Dunia dalam laporan bertajuk *Bending Bamboo Shoots : Strengthening Foundational Skills* baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pernyataan dalam laporan Bank Dunia berkaitan sistem pendidikan Malaysia adalah berlandaskan keputusan Kajian *Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 yang melibatkan murid Tahun 5 sahaja. Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 mencatatkan 37 peratus murid Tahun 5 mencapai Aras Penguasaan 3 hingga 5 (proficient) dalam Literasi Bacaan dan 58 peratus murid Tahun 5 di Malaysia telah mencapai Aras 6 dan ke atas. Hanya 5 peratus murid Tahun 5 berada pada Aras Penguasaan 2 dan ke bawah. Sehubungan dengan itu, isu yang dibangkitkan dalam laporan telah dan sedang ditangani di peringkat Kementerian.

SOALAN NO : 71

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksana transformasi pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang menggariskan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid. Pelan ini sedang berada dalam gelombang terakhir dan telah pun menunjukkan pencapaian positif sepanjang 11 tahun pelaksanaannya.

Bagi memperkukuh pelaksanaan PPPM 2013 – 2025, KPM telah melaksanakan reformasi pendidikan dengan menubuhkan 6 Pasukan Petugas Khas (*task force*) untuk memastikan keberhasilan yang berkualiti dapat dicapai iaitu;

- i. Prasekolah;
- ii. Intervensi Kurikulum;
- iii. Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM);
- iv. Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET);
- v. Pendidikan Digital; dan
- vi. Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Selain itu, KPM kini sedang dalam proses transisi daripada PPPM 2013-2025 kepada pelan pembangunan pendidikan baharu. Susulan dari proses tersebut, KPM telah menubuhkan pasukan petugas khas bagi menerajui perancangan, hala tuju dan pembangunan pendidikan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang bermula tahun 2026. Ketika ini, KPM sedang menganalisis pencapaian PPPM untuk mengenal pasti jurang dan ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian di dalam pelan pendidikan yang baharu.

KPM juga sedang merangka kurikulum pendidikan menggunakan pendekatan baharu yang bakal dilaksanakan pada tahun 2027. Kurikulum

SOALAN NO : 71

Persekolahan 2027 ini adalah satu usaha untuk merevolusi dan menambah baik sistem pendidikan di Malaysia. Reka bentuk kurikulum baharu ini akan menggabungkan kurikulum berasaskan standard dan kurikulum berorientasikan kompetensi yang menggalakkan pembelajaran aktif murid, menyediakan pengalaman pembelajaran dan pentaksiran yang lebih autentik dan bermakna.

KPM juga akan memperkenalkan pembelajaran bersepadu pada Tahap I dan Tahap II sekolah rendah yang dimasukkan dalam jadual waktu bagi membolehkan pelaksanaan yang lebih berstruktur. Pembelajaran bersepadu merupakan satu pendekatan PdP yang menggabungkan isi kandungan dan kemahiran dari pelbagai disiplin ilmu ke arah satu pengalaman pembelajaran yang mempamerkan konsep penyatuan agar pembelajaran murid menjadi lebih holistik, bermakna, relevan dan berhubung kait dengan dunia sebenar.

Sehubungan dengan itu, KPM sedang melaksana Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara dan Sesi Libat Urus Kurikulum Persekolahan 2027 bagi mengumpul input dan pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan.

KPM beriltizam untuk terus komited dalam memastikan reformasi pendidikan dan pelaksanaan PPPM 2013-2025 mencapai aspirasi sistem dan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan. KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap sistem pendidikan negara supaya kekal berdaya saing, dinamik dan komprehensif setaraf peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peratus pencarum KWSP yang memilih pindahan ke akaun 3 (akaun flexible) setakat kini. Nyatakan jumlah pengeluaran yang dikeluarkan setakat ini. Apakah impak kepada kedudukan kewangan KWSP akibat pengeluaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan yang lebih mapan dan pada masa yang sama mengimbangi keperluan semasa ahli. Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

Ahli boleh membuat pilihan untuk mempunyai Amaun Permulaan **iaitu** pindahan sebahagian simpanan dalam Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel mulai 12 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024. Setakat 10 Jun 2024, sejumlah 3.45 juta ahli yang melibatkan amaun perpindahan sebanyak RM10.86 bilion telah membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel. Seramai 2.93 juta ahli pula telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel yang melibatkan amaun pengeluaran sebanyak RM6.98 bilion dengan purata pengeluaran sebanyak RM2,382.

Penstrukturan semula Akaun KWSP ini dilihat tidak memberi kesan signifikan kepada kedudukan kewangan KWSP kerana KWSP telah mengalokasikan baki tunai yang mencukupi untuk menampung permintaan pengeluaran Akaun Fleksibel oleh ahli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah kekosongan penjawatan guru dari tahun 2018 hingga kini; dan
- (b) apakah usaha dan langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018, kadar pengisian guru adalah 98.1% dengan jumlah 421,503 orang guru. Pada tahun 2019, kadar ini menurun sedikit kepada 96.8% dengan 417,148 orang guru, dan pada tahun 2020, kadar pengisian adalah pada 96.0% dengan 413,750 orang guru. Pada tahun 2021, kadar pengisian adalah pada 95.3% dengan 411,141 orang guru. Namun, pada tahun 2022, kadar pengisian meningkat kepada 95.5% dengan 412,993 orang guru, dan seterusnya pada tahun 2023, ia adalah pada 95.6% dengan 412,408 orang guru. Sehingga 31 Mei 2024, kadar pengisian menunjukkan peningkatan kepada 96.9% dengan jumlah guru seramai 417,216 orang.

KPM dari semasa ke semasa berusaha memastikan pengisian guru di sekolah adalah optimum agar penyampaian perkhidmatan pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan telah dilaksanakan untuk membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru seperti berikut:

- i. peluasan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;
- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun di IPGM;

SOALAN NO : 73

- iv. Pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- v. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM akan sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk membendung pemikiran rasisme dan diskriminasi berdasarkan kaum antara pelajar-pelajar di universiti-universiti awam negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan tinggi negara memenuhi aspirasi nasional sebagai langkah membendung pemikiran rasisme dan diskriminasi berdasarkan kaum dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA).
2. Aspirasi pendidikan tinggi dibangunkan berasaskan konteks kenegaraan Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM-PT (2013-2025). Antara langkah yang diambil di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah dengan mewujudkan sistem pendidikan yang memberi pelajar perkongsian nilai, pengalaman dan silang budaya serta diterjemahkan **menerusi Mata Pelajaran Umum (MPU) bercredit yang diwajibkan di Universiti**. Melalui subjek Hubungan Etnik, Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban dapat menyuntik elemen pengukuhan jati diri kebangsaan, semangat patriotisme dan perpaduan nasional.
3. Pihak Universiti juga menyediakan **ekosistem yang kondusif dan kurikulum yang inklusif dalam kaedah pembelajaran** agar asimilasi budaya pelajar pelbagai kaum dapat ditingkatkan menerusi aktiviti berkumpulan dan interaksi sosial di dalam bilik kuliah dengan lebih berkesan.
4. Selain itu juga, pihak Universiti turut menggalakkan **penyertaan dan penglibatan pelajar pelbagai kaum dalam aktiviti Kursus Kokurikulum** seperti sukan dan rekreasi, khidmat komuniti, kesenian dan kebudayaan, badan beruniform, kem kepimpinan serta program atau aktiviti badan persatuan pelajar.

SOALAN NO : 74

5. **Program orientasi pelajar baharu di Universiti Awam (UA)** turut memainkan peranan meningkatkan semangat perpaduan dan keharmonian kaum merangkumi sesi ceramah perpaduan, patriotisme dan jati diri serta integriti nasional melibatkan agensi awam, tokoh masyarakat, ahli akademik, dan aktivis sosial.
6. Disamping itu, pelajar dari pelbagai kaum turut dilibatkan dalam **Kem Kepimpinan Muda** melalui aktiviti berkumpulan, kesukarelawanan dan khidmat komuniti, pengucapan awam bagi memupuk kerjasama dan persefahaman berbilang kaum.
7. Pihak Universiti juga turut mengambil inisiatif perpaduan melalui **Malam Kebudayaan dan Pameran Budaya** bagi mempromosi tradisi, pakaian, makanan, dan seni dari berbagai etnik untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian kaum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penekanan Kementerian terhadap aspek pendidikan prasekolah memandangkan satu perempat kanak-kanak Malaysia didapati masih kurang kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan program pendidikan awal kanak-kanak (prasekolah) sebagai sebahagian daripada agenda KPM sejak tahun 2000 apabila kerajaan menandatangani Deklarasi Pendidikan untuk Semua (Education for All) bawah United Nation Educational, scientific, and cultural organization (UNESCO)

Matlamat pendidikan prasekolah adalah untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menanam keyakinan, meningkatkan kemahiran dan membentuk konsep sendiri yang positif sebelum mereka mengikuti pembelajaran di sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPM bagi memastikan pendidikan di peringkat prasekolah memberi impak yang positif terhadap tahap penguasaan 3M. Inisiatif tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. memperkenalkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang berfokus pada penguasaan kemahiran asas seperti 3M, serta perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak secara holistik;
- ii. Meningkatkan kualiti latihan guru prasekolah adalah salah satu keutamaan. Guru-guru prasekolah diberikan latihan yang relevan dan berterusan untuk memastikan mereka mampu mengajar kemahiran 3M dengan efektif;
- iii. menyediakan bantuan kewangan iaitu bantuan makanan, bantuan Geran Per Kapita, bantuan kokurikulum dan bantuan insuran kelompok untuk memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan prasekolah berkualiti; dan

- iv. Pemantauan berterusan kemajuan kanak-kanak melalui penilaian berkala.

Bagi meningkatkan kualiti dan kebolehcapaian pendidikan prasekolah, KPM telah memperluaskan sejumlah 129 kelas prasekolah di seluruh negara bagi tahun 2024 dan peluasan kelas prasekolah akan diteruskan setiap tahun dengan kerjasama daripada semua 16 Jabatan Pendidikan Negeri. Selain itu, di bawah Inisiatif #59: Peningkatan Kualiti Prasekolah, semua guru prasekolah mesti memiliki sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kesinambungan usaha ini diteruskan pada peringkat sekolah rendah melalui beberapa inisiatif penting untuk memastikan tiada keciciran dalam pembelajaran berlaku. Pengesanan Awal literasi dan Numerasi Tahun 1 dilaksanakan untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan keupayaan dan gaya pembelajaran mereka. Pengesanan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) akan dijalankan setelah murid mengikuti persekolahan selama tiga bulan.

KPM menyahut mandat daripada Kerajaan MADANI untuk memperkasakan Pendidikan prasekolah di negara ini. KPM diberikan tanggungjawab utama oleh Kerajaan dalam bidang prasekolah. Pasukan petugas Khas Penyelarasan Prasekolah yang dipengerusikan oleh YM Menteri Pendidikan bertanggungjawab meningkatkan standard dan kualiti kurikulum prasekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA
BELUD]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggali dan mendalamkan muara Sungai Kuala Abai, Kota Belud yang semakin cetek yang bukan sahaja menjejaskan pendapatan nelayan malah rakyat di sini berhadapan dengan risiko banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyiapkan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Sabah untuk persisiran pantai dari kawasan Tuaran ke Kudat pada Februari 2024. ISMP ini turut merangkumi kawasan muara Sungai Kuala Abai.
2. Hasil ISMP menunjukkan terdapat masalah sedimentasi di muara Sungai Kuala Abai. Sebelum kerja-kerja pengerukan dijalankan, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian hidraulik, penilaian kesan kepada alam sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) dan penilaian risiko marin (*Marine Risk Assessment*, MRA). Kajian ini adalah penting supaya morfologi sungai tidak terjejas dan navigasi bot nelayan berada pada tahap optimum sepanjang kerja pengerukan dilaksanakan.
3. JPS akan memohon pelaksanaan kajian dan projek pengerukan muara Sungai Kuala Abai dalam Rancangan Malaysia Ke-13.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan pihak Kerajaan dalam membendung penghinaan terhadap agama Islam seperti kes kalimah Allah pada stoking daripada terus berlaku pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberi perhatian serius terhadap bahan penerbitan yang terlibat dengan pelanggaran di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984. Penguatkuasaan berbentuk pemeriksaan secara rutin dan berfokus yang berterusan dilaksanakan bagi membendung perkara ini dari terus berlaku. Selain penguatkuasaan, Kementerian turut menjalankan advokasi bagi memberikan kesedaran dan mendapat kerjasama daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk tidak terlibat dalam aktiviti yang disifatkan sebagai penghinaan.

Tindakan tegas akan diambil sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984, Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] terhadap kesalahan berkaitan penghinaan agama Islam sehingga membawa kepada provokasi yang mampu mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN AL RAMARAJ (SEGAMAT)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pelan tindakan dan perubahan dasar yang bakal dilakukan untuk mempercepatkan usaha mitigasi perubahan iklim berdasarkan Konferens Perubahan Iklim PBB 2023 (COP 28).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Kelima Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara (MTPIN) Bil. 1 Tahun 2024 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersetuju untuk meluluskan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 (DPIN 2.0). DPIN 2.0 ini merupakan Dasar Perubahan Iklim (DPIN) 2009 yang telah disemak semula dan dikemaskini bagi mengambil kira komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Paris 2015.
2. DPIN 2.0 ini turut mengambil kira perkembangan dasar dan perkembangan terkini isu perubahan iklim di peringkat domestik serta antarabangsa termasuk komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca seiring dengan objektif di bawah Perjanjian Paris untuk menghadkan kenaikan suhu di bawah 2° darjah celsius dan melakukan usaha untuk menghadkan kenaikan suhu di bawah 1.5° celsius. Selain itu, dasar ini akan saling melengkapi inisiatif-inisiatif lain, antaranya penggubalan Rang Undang Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN), pembangunan Pelan Adaptasi Nasional dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK).
3. MTPIN juga telah bersetuju untuk memuktamadkan dokumen Hala Tuju *Nationally Determined Contribution* (NDC Roadmap) dan *Long-Term Low Emissions Development Strategy* (LT-LEDS). Kedua-dua dokumen ini menggariskan hala tuju dan/atau pelan tindakan mitigasi yang akan dilakukan, masing-masing bagi mencapai sasaran NDC negara pada tahun 2030 dan aspirasi pelepasan sifar bersih negara pada tahun 2050.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN AHMAD FAYHSAL WAN AHMAD
KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat cadangan pembinaan bangunan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Machang memandangkan pada ketika ini, AADK Daerah Machang masih menyewa di bangunan rumah kedai persendirian.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan sentiasa komited untuk membendung masalah dadah yang berlaku dalam negara. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penagih dadah dan penyalahguna dadah serta bahan di Daerah Machang sehingga Mac 2024 yang direkodkan adalah seramai **1,038 orang**. Pejabat AADK Daerah Machang pada ketika ini berada di bangunan rumah kedai dan merupakan kawasan tumpuan orang ramai. Kedudukan pejabat ini berada di kawasan yang mudah diakses oleh klien AADK serta berhampiran dengan Balai Polis Daerah Machang dan Klinik Kesihatan Machang.

Untuk makluman Yang Berhormat, keperluan pembangunan pejabat-pejabat baharu senantiasanya akan diteliti dari semasa ke semasa kerana faktor kebajikan dan fasiliti/kemudahan yang baik merupakan salah satu agenda utama Kementerian dan juga Kerajaan. Namun ianya perlu dinilai secara komprehensif dan menyeluruh agar ianya selari dengan keperluan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN (KLANG)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan Keputusan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 2023 dan menjelaskan apakah rancangannya untuk meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan kita pada tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli dewan, kadar kebolehpasaran graduan berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun 2023 adalah **89.8%**.
2. Dalam usaha untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan dan melahirkan generasi graduan yang berdaya saing, Kementerian terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong dan memastikan graduan IPT memenuhi kriteria kebolehpasaran selaras dengan keperluan industri semasa.
3. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti:
 - a) **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** yang dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah

graduan daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran.

- b) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri.
- c) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** melalui Portal MYFutureJobs atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO. Dalam tempoh Januari 2024 hingga Mei 2024, seramai **26,140 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal MyFutureJobs.
- d) **Kerjasama dengan industri bagi memastikan institusi dan kemahiran graduan selari dengan keperluan dan perkembangan industri.** Antaranya adalah kerjasama bersama HRD Corp di Politeknik Metro Tasek Gelugor (PMTG) yang menawarkan Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Kemahiran Semula (*reskilling & upskilling*) melalui program terlanggan diploma profesional iaitu kepada pihak Flextronic merangkumi Flextronic Penang Sdn.Bhd, Flextronic Shah Alam Sdn.Bhd (PTP), Flextronic Shah Alam Sdn.Bhd (Skudai), Flextronic Senai. Sehingga kini sebanyak 789 pekerja Flextronics dilatih di bawah program diploma profesional ini menggunakan *HRD Claimable Courses*.
- e) **Kerjasama merentas Kementerian, agensi serta industri juga dimantapkan** menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU) sebagai contoh bersama dengan SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan

menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

- f) **Membangunkan portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT.** Antara maklumat dan perkhidmatan yang disediakan termasuklah pencarian dan padanan pekerjaan; permohonan latihan industri, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian; perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*.
- g) **Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025).** Pelan ini merupakan *guiding principle* dalam usaha memperkasa dan membentuk ekosistem keusahawanan di IPT. Usaha ini adalah untuk menyokong Lonjakan 1 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 bagi Pendidikan Tinggi, iaitu menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta pekerjaan (*job creator*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah implikasi terhadap pencapaian prestasi akademik Pelajar Tingkatan Satu di sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP) sejak pemansuhan peperiksaan UPSR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pencapaian prestasi akademik murid tingkatan 1 di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang serta mencapai keluk taburan normal berdasarkan analisis Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), bagi Sesi Akademik 2023/2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada sistem pentaksiran dan penilaian murid seiring dengan keperluan semasa. Berdasarkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, murid ditaksir melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Peperiksaan Pusat. Susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan PBS, melibatkan komponen PBD, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

PBD melibatkan pentaksiran formatif dan sumatif. Pentaksiran formatif dilaksanakan secara berterusan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai sebahagian daripada pembelajaran bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid. Pentaksiran sumatif pula dilaksanakan untuk menilai pencapaian murid atau prestasi akademik dalam satu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Satu daripada kaedah pentaksiran sumatif adalah peperiksaan akhir tahun atau kini dikenali sebagai ujian akhir sesi akademik. Oleh itu, analisis Pentaksiran Berterusan (PB) bagi murid tingkatan 1 Sesi Akademik 2023/2024 menunjukkan 76.24 peratus berada pada tahap penguasaan (TP) lima dan enam.

KPM turut melaksanakan inisiatif program mengikut keperluan dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan pencapaian murid di SBP seperti *Basic Additional Mathematics and Sciences for Improvement and Excellence* (BASIX), *Comprehensive Overview and Rapid Understanding for Success* (CORUS) dan lain-lain program.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
(SRI GADING)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN (SRI GADING) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kerajaan dalam menilai penerima yang layak bagi program BUDI MADANI memandangkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) telah tersedia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk menyasarkan subsidi diesel bagi memastikan kemampuan ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan susulan aktiviti penyeludupan dan mengurangkan impak kepada kos sara hidup rakyat. Melalui pendekatan ini, penyasaran subsidi diesel dijangka menjana penjimatan sebanyak 4 bilion ringgit kepada Kerajaan.

Bagi memastikan kebajikan majoriti rakyat terus terpelihara, Program Bantuan Subsidi MADANI (atau BUDI MADANI) diperkenalkan sebagai platform penyasaran semula subsidi hanya kepada yang memerlukan bagi membendung kenaikan kos sara hidup dan juga berperanan memusatkan serta memudahkan proses permohonan secara dalam talian kepada pemilik kenderaan jenis diesel merangkumi kenderaan pengangkutan darat awam, pengangkutan darat barangan, kenderaan persendirian milik individu dan golongan petani kecil serta pekebun kecil komoditi di Semenanjung Malaysia untuk terus menikmati subsidi diesel melalui kaedah *fleet card* atau bantuan tunai sebanyak 200 ringgit melibatkan MySubsidi Diesel, BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi.

Untuk makluman Yang Berhormat, portal BUDI MADANI dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman daripada kalangan pegawai Kerajaan tanpa menggunakan khidmat perunding luar.

Pengumpulan maklumat terkini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka yang terkesan mempunyai saluran yang mudah untuk mengemaskini maklumat mereka agar tidak tercicir daripada bantuan Kerajaan. Penyasaran subsidi diesel melalui BUDI MADANI juga akan menggunakan semua pangkalan data sedia ada Kerajaan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan tiada keciciran, peluang dibuka kepada pemilik kenderaan diesel yang layak serta golongan sasaran seperti petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Ini bagi memastikan tiada golongan yang layak

tercicir. Pendaftaran BUDI MADANI juga adalah bagi memastikan pemohon memberi pengesahan bahawa telah menepati kriteria untuk melayakkan diri bagi bantuan tunai serta mendapat maklumat bank terkini untuk memastikan penyaluran bantuan dikreditkan ke akaun yang tepat.

Sebarang maklumat tambahan yang didapati melalui BUDI MADANI akan selanjutnya dikongsi dan diintegrasikan ke dalam Pangkalan Data Utama (atau PADU).

Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan sekiranya perlu, penambahbaikan dari semasa ke semasa akan dibuat dalam memastikan golongan yang benar-benar layak terus mendapat perhatian Kerajaan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB (GERIK)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB (GERIK) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat dan kemungkinan untuk menjadikan Pengkalan Hulu sebagai Zon Eksklusif Ekonomi sempadan atau Zon Bebas Cukai bagi meningkatkan ekonomi tempatan dan negara dalam radius 20KM dari pintu sempadan Malaysia Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi mewujudkan Zon Bebas kebiasaannya dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri atau mana-mana syarikat atau pemilik tanah dengan persetujuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian Kewangan masih belum sebarang permohonan bagi mewujudkan zon bebas tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebarang cadangan bagi mewujudkan Zon Bebas memerlukan kajian kebolehlaksanaan, yang antara lain merangkumi perincian latar belakang, konsep pembangunan dan jenis aktiviti yang akan dijalankan khususnya bagi aktiviti yang berorientasikan eksport, justifikasi permohonan, kos dan pembiayaan serta analisis impak ekonomi dan sosial.

Kajian kebolehlaksanaan adalah penting bagi memastikan pewujudan Zon Bebas kelak benar-benar mencapai objektif dan memberi manfaat yang sewajarnya serta memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi yang kompetitif bagi perdagangan import dan eksport.

Permohonan dan laporan kajian kebolehlaksanaan ini akan diteliti dan dikaji serta turut mengambil kira keberkesanannya berbanding Zon Bebas yang sedia ada apabila diterima kelak. Pertimbangan bagi permohonan Zon Bebas juga akan mengambil kira pandangan dan ulasan daripada Kementerian dan Agensi yang berkaitan, antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah rendah yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di seluruh negara dan Sarawak serta kawasan Baram. Nyatakan tindakan serta rancangan masa pendek dan panjang pihak Kementerian berkenaan masa depan SKM khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 31 Mei 2024 menunjukkan terdapat 3,062 buah sekolah rendah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah yang menepati definisi SKM. Bilangan sekolah rendah ini tidak mengambil kira SK Pendidikan Khas, SK (Asli), Sekolah Model Khas, Sekolah Model Khas K9, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Definisi SKM ini tidak terpakai kepada sekolah menengah. Berdasarkan rekod KPM terdapat 869 buah SKM di negeri Sarawak dan 58 buah daripadanya berada di kawasan Parlimen Baram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani isu SKM di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM. Strategi tersebut adalah:

- (i) pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred;
- (ii) penggabungan SKM;
- (iii) pemindahan atau penempatan semula SKM; dan
- (iv) pengekalan SKM atas keperluan.

Strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5 di sekolah berenrolmen 30 orang murid dan ke bawah.

Strategi penggabungan sekolah pula dilaksanakan dengan menggabungkan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama ini tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa

atau penjaga secara majoriti. Bagi SKM yang tidak boleh digabungkan atau dipindahkan seperti SKM di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan.

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM ke lokasi baharu di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dilaksanakan bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen SKM. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi kriteria seperti tapak baharu telah dikenal pasti dan persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga murid secara majoriti diperoleh.

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah digariskan dan dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM tersebut, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM dapat dioptimumkan serta dapat dimanfaatkan oleh murid. Strategi ini juga dapat memaksimumkan penggunaan tenaga pengajar dan mengurangkan kos pengurusan. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
(ROMPIN)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH (ROMPIN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mengenai impak pelaksanaan sistem invois elektronik (e-Invoice) yang bakal diimplementasi secara berperingkat termasuk dari segi aspek pentadbiran serta langkah untuk memastikan agar ia tidak membebankan golongan peniaga dan usahawan kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan penggunaan e-Invois secara berperingkat mulai Ogos 2024 berdasarkan nilai ambang hasil jualan perniagaan. Fasa pertama akan bermula pada Ogos 2024 melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Manakala, fasa kedua melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit bermula pada Januari 2025. Seterusnya mulai 1 Julai 2025, semua perniagaan termasuklah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) akan diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois.

Pelaksanaan e-Invois merupakan suatu mekanisme pelaporan hasil jualan dan perkhidmatan kepada pentadbir cukai bagi tujuan meningkatkan tahap pematuhan cukai dan seterusnya membantu Kerajaan dalam menangani isu ekonomi bayangan. Dengan mengadaptasi e-Invois, ianya memberi manfaat yang signifikan kepada perniagaan termasuk PMKS khususnya dalam konteks perekodan transaksi penjualan dan penyimpanan dokumen yang lebih teratur. Seterusnya, ini juga akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan PMKS.

Kerajaan sedar akan cabaran yang akan dihadapi PMKS dalam mengadaptasi e-Invois ini terutamanya peningkatan kos operasi, penerapan teknologi, dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois. Oleh itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menyediakan Portal MyInvois serta Sistem Point of Sales (POS) yang boleh diakses secara percuma oleh PMKS bagi membantu dan memudahkan penghantaran e-invois kepada LHDNM tanpa peningkatan kos yang signifikan kepada perniagaan. Selain itu, LHDNM sedang dalam proses perbincangan bersama dengan beberapa penyedia rangkaian pembayaran (*payment network provider*) bagi membolehkan entiti ini mengeluarkan e-Invois bagi pihak PMKS. Langkah ini sebagai salah satu penyelesaian digital bagi membantu PMKS dalam mematuhi keperluan pengeluaran e-Invois.

Di peringkat awal pelaksanaan e-Invois, pertimbangan diberi kepada PMKS untuk tidak perlu mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan. PMKS boleh dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan PMKS setiap bulan dan hanya perlu dikemukakan kepada pihak LHDNM dalam tempoh tujuh (7) hari pertama bulan berikutnya.

Sebagai tambahan, pihak LHDNM akan mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus yang berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara. LHDNM akan turut menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois. Pegawai LHDNM di peringkat negeri juga akan turun padang dan mengadakan bengkel dan taklimat di seluruh negara bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS.

Kerajaan juga mengambil maklum bahawa proses untuk PMKS terutamanya peniaga kecil mengadaptasi e-Invois memerlukan tempoh masa yang panjang berikutan cabaran dan kekangan yang dihadapi. Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti semula fasa pelaksanaan kepada PMKS bagi memastikan tempoh peralihan kepada e-Invois dapat dilaksanakan secara lebih fleksibel dengan mengambil pendekatan “didik dan perbetul” untuk mengelakkan ketidakpatuhan yang tidak disengajakan. Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua syarikat termasuk PMKS dan peniaga kecil dalam tempoh peralihan dalam melaksanakan e-Invois sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan peruntukan yang telah diluluskan Kerajaan dalam menyelesaikan isu bekalan air bersih di Sabah khususnya di Kudat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2023 telah meluluskan RM300 juta secara pinjaman untuk menyelesaikan isu bekalan air di negeri Sabah yang merangkumi empat (4) projek baharu dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) tahun 2024 di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM157.88 juta di bawah RP4 RMKe-12 bagi projek-projek sambungan di negeri Sabah.
2. Selain itu, sebanyak RM87.209 juta pembiayaan secara geran telah diperuntukkan bagi Program Kadar Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water - NRW*) Nasional Pendekatan 1 di negeri Sabah yang turut merangkumi penggantian dan pembaikan tangki di Kudat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan penjelasan tentang status terkini pembinaan Fasa 2 tebatan banjir di Rantau Panjang sebagaimana yang dijanjikan oleh Kementerian akan bermula pembinaannya pada tahun ini dan bilakah projek ini dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasa kedua projek tebatan banjir di Rantau Panjang adalah sebahagian daripada Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 2. Projek ini sedang dalam peringkat proses perolehan dan dijangka siap dalam tempoh lima (5) tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada golongan miskin dan miskin tegar dalam Bajet 2025 nanti ekoran kos sara hidup yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024, sebanyak 10 bilion ringgit disediakan untuk program Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR) bagi memanfaatkan hampir 9 juta penerima. Program ini merupakan bantuan tunai Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

STR merupakan bantuan tunai paling tertinggi dalam sejarah di mana Kerajaan sentiasa peka dengan perkembangan semasa terutamanya melibatkan situasi ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Kerajaan juga mengambil berat ke atas golongan B40 yang benar-benar terkesan terutamanya miskin dan miskin tegar dengan menambahbaik program bantuan tunai dari tahun ke tahun termasuk dengan memperkenalkan program Sumbangan Asas Rahmah (atau SARA) sebagai bantuan subsidi bersasar kepada rakyat yang paling terkesan dengan gelumang kos sara hidup.

Setakat ini, Kerajaan telah menyalurkan bayaran STR Fasa 1 dan Fasa 2 kepada mereka yang layak dengan peruntukan sebanyak 3.6 bilion ringgit daripada 2.93 bilion ringgit pada tahun lepas dalam usaha membantu sebilangan besar rakyat menangani peningkatan kos sara hidup.

Seramai 8.4 juta penerima yang layak telah berdaftar untuk STR 2024. Walau bagaimanapun angka ini dijangka naik ke hampir 9 juta penerima bagi tahun ini mengambil kira proses permohonan baharu dan kemas kini dibuka sepanjang tahun, berbanding setahun sekali sebelum ini. Kerajaan sentiasa cakna dengan penambahbaikan berterusan program bantuan tunai Kerajaan demi memastikan golongan terkesan terus terbela dan dijaga. Kerajaan kekal komited dan sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan program bantuan tunai Kerajaan terus disalurkan kepada golongan rentan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah untuk menangani masalah kekurangan pekerja di dalam sektor perladangan, khususnya, dalam sektor minyak sawit, dan mekanisme Kementerian dalam mengawal hal ehwal pekerja asing terhadap sektor perladangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja di dalam sektor perladangan khususnya dalam sektor minyak sawit, kerajaan telah meningkatkan promosi penggunaan jentera dan meningkatkan kemahiran pekerja tempatan melalui program pembangunan modal insan di sektor perladangan. Mekanisasi bukan sahaja dapat mempercepat serta memendekkan proses kerja tetapi juga membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Bagi mempromosikan penggunaan mekanisasi dan automasi, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menghasilkan lebih daripada 50 teknologi yang sedia untuk dikomersialkan. Jalinan kerjasama strategik turut diadakan dengan pihak industri seperti SD Guthrie Berhad, FGV Holdings Berhad, Sarawak Plantation Berhad dan Yayasan Pahang Advance Skills untuk melahirkan *machine specialist* dan *harvesting specialist* dalam kalangan belia tempatan. Selain pihak kerajaan, pihak industri juga perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan mekanisasi dan produktiviti pekerja mereka.
2. KPK juga menganjurkan program latihan untuk belia melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) berkaitan mekanisasi dan automasi ladang bagi menarik lebih ramai tenaga kerja tempatan untuk bekerja di ladang. Sebagai contoh, Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Keratong, Pahang telah menawarkan latihan intensif dalam penggunaan jentera mekanisasi dan automasi. Kursus ini akan meningkatkan produktiviti hasil, memberi nilai tambah dalam kemahiran pekerjaan, dan meningkatkan pendapatan belia tempatan.

3. KPK mengawal hal ehwal pekerja asing dalam sektor perladangan melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain, seperti Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) untuk memastikan penggajian pekerja asing adalah secara beretika dan mematuhi undang-undang perburuhan. Pada tahun 2024, KPK telah merancang untuk menganjurkan 4 siri program '*Know Your Rights, Do It Right*' bagi meningkatkan kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab majikan dan pekerja, isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, isu buruh paksa dan kanak-kanak serta amalan terbaik perburuhan dalam kalangan pengusaha dan pekerja ladang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN (BACHOK)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci unjuran terkini kadar pertumbuhan KDNK bagi tahun 2024 dan 2025 ekoran prestasi KDNK negara yang mencatatkan 4.2% bagi suku pertama 2024 berbanding kadar 5.6% pada suku pertama 2023 serta perbandingan dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.2 peratus pada suku pertama 2024 disokong oleh permintaan domestik yang kekal mampan serta prestasi eksport yang lebih baik meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. KDNK Malaysia suku pertama tahun ini juga berkembang lebih cepat berbanding negara maju dan serantau seperti Singapura (2.7 peratus), Thailand (1.5 peratus), dan UK (0.2 peratus).

Prestasi yang memberangsangkan ini turut dicerminkan oleh indikator-indikator ekonomi dan kewangan seperti berikut:

- a) Pasaran buruh menunjukkan momentum pertumbuhan yang positif dengan kadar pengangguran suku pertama 2024 kekal rendah iaitu 3.3 peratus berbanding 3.5 peratus pada suku pertama 2023;
- b) Indeks Pelopor terus merekodkan pertumbuhan positif selama empat bulan berturut-turut dengan peningkatan sebanyak 2.3 peratus pada Mac 2024;
- c) Pelancongan domestik merekodkan peningkatan sebanyak 19 peratus kepada 58.6 juta pelawat pada suku pertama 2024 (S1 2023: 35.3 peratus; 49.3 juta pelawat) dengan jumlah perbelanjaan melonjak sebanyak 25.3 peratus kepada RM24.1 bilion (S1 2023: 47 peratus; RM19.2 bilion);
- d) Kadar inflasi pada suku pertama 2024 kekal rendah pada 1.7 peratus, berbanding 3.6 peratus pada suku yang sama tahun 2023; dan
- e) Permodalan pasaran saham mencatat paras baharu melebihi RM2 trilion buat pertama kalinya pada 7 Mei 2024, dan sehingga 12 Jun 2024 telah mencapai RM2.059 trilion. Indeks FBM KLCI pula terus melepasi paras rintangan 1,600 mata dan berada pada paras 1,608.95 mata pada 12 Jun 2024 dengan catatan pertumbuhan YTD sebanyak 10.61 peratus, antara yang terbaik di rantau Asia dan kedua terbaik dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Berdasarkan indikator-indikator tersebut, Kerajaan yakin KDNK negara akan mencapai pertumbuhan antara 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun 2024. Di samping itu, menurut laporan *Global Economic Prospects* oleh Bank Dunia yang diterbitkan pada 11 Jun 2024, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur meningkat kepada 4.4 peratus pada tahun 2025 berbanding 4.3 peratus pada tahun 2024. Prospek pertumbuhan ini adalah selari dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global oleh Bank Dunia yang dijangka meningkat kepada 2.7 peratus pada tahun 2025 berbanding 2.6 peratus pada 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesediaan Kerajaan dalam melaksana projek empangan bawah tanah bagi meningkatkan sumber air di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Beberapa kaedah alternatif telah dikenal pasti yang boleh dilaksanakan untuk memastikan kelestarian sumber air seperti pembinaan empangan, Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), empangan bawah tanah dan penuaian air hujan. Selain itu, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Indah Water Konsortium (IWK) juga sedang membangunkan inisiatif air pulih guna untuk tujuan bukan minuman.

2. Satu *pilot* projek iaitu Pembinaan Empangan Bawah Tanah, Telaga Tiub dan Struktur Takungan akan dilaksanakan di Padang Matsirat, Langkawi. Projek ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) Tahun 2022 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos siling sebanyak RM412.8 juta. Makmal Kajian Nilai telah selesai dilaksanakan. Projek kini sedang dalam penyediaan Penyata Kehendak Kerajaan (*Need Statement*) bagi persediaan makmal VE.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) apakah masih terdapat aktiviti judi sukan secara dalam talian; dan
- (b) berapa jumlah tangkapan dan rampasan yang telah dibuat sejak tahun 2020 sehingga kini berkaitan judi dalam talian mengikut jenis sukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) memandang serius tentang kegiatan perjudian dalam talian tanpa lesen pada masa ini. Tidak dinafikan perjudian tanpa lesen termasuklah judi sukan secara dalam talian masih terdapat di dalam negara memandangkan wujud permintaan dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, judi sukan secara dalam

talian terutamanya sukan bola sepak merupakan judi sukan yang paling digemari oleh kaki judi dan ianya bermusim kerana sindiket ini lebih berminat untuk mengadakan pertaruhan semasa penganjuran besar seperti Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia FIFA yang diadakan setiap **empat (4) tahun** dan Kejohanan Bola Sepak Piala UEFA yang diadakan **setiap dua (2) tahun**.

PDRM juga sentiasa memantau, mengadakan operasi dan serbuan terutamanya sepanjang kejohanan besar berlangsung seperti Kejohanan Bola Sepak Piala UEFA dan Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia FIFA melalui OP SOGA bagi mengekang dan membanteras kegiatan ini. Bagi **tahun 2020**, PDRM telah melancarkan **OP SOGA VIII sempena Kejohanan Bola Sepak Piala UEFA 2020**. Sebanyak **300 serbuan** berjaya dilaksanakan melibatkan tangkapan seramai **401 orang** dan rampasan wang tunai bernilai **RM 466,524.00**.

Manakala bagi **tahun 2022** pula, PDRM telah melancarkan **OP SOGA IX sempena Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia FIFA 2022**. Sebanyak **530 serbuan** berjaya dilaksanakan melibatkan tangkapan seramai **690 orang** dan rampasan wang tunai sebanyak **RM 518,563.00**.

Justeru, dalam usaha menangani kegiatan perjudian, PDRM sentiasa memantau aktiviti judi dalam talian termasuk perjudian sukan dalam talian seterusnya mengambil tindakan tegas kepada individu atau penganjur yang menjalankan pertaruhan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan dan jumlah yang sedang diproses serta jumlah yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak dan juga khususnya kawasan Parlimen Mas Gading setakat 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh 2019 hingga 2024, sebanyak **1,584 permohonan** kewarganegaraan telah diterima dari Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, **243 permohonan** telah diluluskan dan **1,065 permohonan** masih diproses.

Bagi tempoh yang sama untuk kawasan Parlimen Mas Gading, sebanyak **15 permohonan** kewarganegaraan telah diterima.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) usaha untuk menaik taraf tahap keselamatan di pintu masuk balai polis terutama yang terpencil; dan
- (b) pelan jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani isu kritikal keselamatan negara seperti kes yang membabitkan serangan di Balai Polis Ulu Tiram, Johor baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Salah satu fungsi utama Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah bagi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam dalam negara. Fungsi tersebut membantu KDN menggarap misi untuk memastikan keselamatan dalam negeri terjamin dan kesejahteraan rakyat dipelihara. Sehubungan itu, dalam memastikan tahap keselamatan di premis-premis Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa dalam keadaan siap siaga, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan oleh PDRM selepas insiden serangan yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor baru-baru ini:

(a) Tahap Keselamatan Di Pintu Masuk Balai Polis

1. Menaik taraf sistem perlindungan keselamatan seperti pagar, pondok pengawal, CCTV dan lain-lain infrastruktur dalam kawasan premis PDRM;
2. Melakukan rondaan keselamatan dari formasi PDRM lain yang terdekat dengan balai-balai;
3. Memastikan jumlah keanggotaan di balai polis sentiasa mencukupi;
4. Pematuhan kepada Pekeliling, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan semasa yang dikeluarkan oleh PDRM sebagai panduan kepada semua pegawai/anggota PDRM dalam menjalankan tugas; dan
5. Tanggungjawab Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis Negeri, Komander, Komandan, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai dalam memastikan tahap keselamatan diperketatkan bagi melindungi lokasi-lokasi sasaran penting termasuk premis-premis PDRM di seluruh negara demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di Pertua,

Pihak KDN dan PDRM sentiasa mengambil berat dan prihatin dengan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan anggota PDRM yang bertugas di semua balai polis di seluruh negara. Untuk itu, KDN dan PDRM telah merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang dalam meningkatkan tahap keselamatan di semua balai polis di seluruh negara. Berikut adalah pelan tindakan yang sedang dilaksanakan oleh pihak KDN dan PDRM:

1. Pelan Jangka Pendek

- i. PDRM meningkatkan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) dalaman PDRM seperti Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan arahan-arahan pentadbiran semasa yang berkaitan;

- ii. Pemeriksaan keselamatan ke atas Balai Polis telah dilaksanakan bagi mengenalpasti kelemahan dan kekurangan premis supaya tindakan penambahbaikan segera dapat dilaksanakan;
- iii. Rondaan keselamatan dijalankan dengan lebih kerap supaya menimbulkan rasa selamat di dalam kawasan Balai Polis.

2. Pelan Jangka Panjang

- i. Mengadakan latihan simulasi serangan terhadap premis PDRM dan tindakan pantas menghadapi situasi kecemasan kepada pegawai/anggota PDRM supaya sentiasa bersedia menghadapi ancaman semasa bertugas di lapangan;
- ii. Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan PDRM supaya keselamatan kepada pegawai/anggota ditingkatkan; dan
- iii. Mewartakan semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Balai Polis dan formasi PDRM sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) bagi memastikan tindakan undang-undang dapat diambil terhadap penceroboh jika berlaku insiden tidak diingini di dalam premis PDRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah rancangan PETRA untuk memastikan kita mencapai matlamat SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi) secara spesifiknya 6.1.1 "Kadaran penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diurus dengan selamat."

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) komited dalam memastikan penduduk di Malaysia menerima akses kepada bekalan air bersih. Menurut laporan *Water and Sewerage Fact Book 2022* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), 97.1% penduduk di Semenanjung Malaysia dan Labuan telah menerima akses kepada bekalan air bersih.

2. Antara usaha yang dilakukan bagi memastikan pertambahan kadar peratusan ketercapaian akses bekalan air bersih adalah melalui projek-projek sumber dan bekalan air seperti Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) baharu, menaik taraf LRA sedia ada dan program pengurangan Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water - NRW*) Kebangsaan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.6 billion dari tahun 2021 sehingga tahun 2024 bagi projek-projek bekalan air dan RM1.9 billion bagi Program Pengurangan NRW Kebangsaan untuk mencapai matlamat SDG 6.1.1.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN (KAMPAR)
TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN (KAMPAR) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menukar semua kenderaan rasmi Kerajaan kepada EV termasuk kenderaan rasmi Menteri sepertimana yang diumumkan dalam Bajet 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited dengan penggunaan kenderaan elektrik (EV). Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan 2024, Putrajaya akan dijadikan model bandar rendah karbon Malaysia dan antara langkah awal ialah dengan melaksanakan Inisiatif menggunakan kenderaan elektrik sebagai kenderaan rasmi dengan sasaran sekurang-kurangnya 50% kenderaan rasmi Kerajaan merupakan *Battery Electric Vehicle* (BEV) menjelang tahun 2025 sepertimana yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint* - LCMB).

Sehubungan itu, Kerajaan kini masih dalam penilaian Program Perintis Penggunaan Kenderaan Elektrik bagi menilai dan mendapat gambaran sebenar mengenai tahap keberkesanan dan *viability* penggunaan EV sebagai Kenderaan Jabatan (KJ) dan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) selain mengenalpasti isu dan aspek berkaitan pelaksanaan untuk diselaraskan bagi tujuan pelaksanaan program secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJJAH HALIMAH ALI
(KAPAR)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. HAJJAH HALIMAH ALI (KAPAR) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan perlu membenarkan pegangan saham MAHB kepada syarikat pro-Israel Blackrock melalui anak syarikatnya GIP sedangkan MAHB telah mencatatkan pertumbuhan dan keuntungan suku pertama 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Madani telah menyatakan dan kekal teguh dalam pendirian kami terhadap serangan yang tidak berperikemanusiaan dan pembunuhan beramai-ramai rejim Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza.

Kerajaan tiada halangan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk melabur di negara kita. Tetapi yang kita larang adalah syarikat milik Israel. Sebagai contoh syarikat perkapalan ZIM milik Israel yang telah kita sekat daripada berlabuh di negara kita sejak Disember 2023.

Dalam hal Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Konsortium yang diterajui pemegang saham sedia ada MAHB iaitu Khazanah

SOALAN NO : 97

Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memilih GIP kerana menepati kriteria berikut:

- a) Pemilikan kepakaran teknikal dalam pengendalian lapangan terbang dan kekuatan kewangan untuk melaksanakan transaksi dan pelaburan besar;
- b) Rekod pencapaian yang kukuh dalam transformasi lapangan terbang;
- c) Kesanggupan untuk mengambil kepentingan minoriti; dan
- d) Kesanggupan untuk keluar setelah usaha transformasi tersebut membuahkan hasil.

Sebagai tambahan, KWSP telah melabur dengan GIP dalam aset-aset infrastruktur sejak tahun 2012. Antara aset-aset yang dilabur dalam kerjasama ini termasuklah lapangan terbang Sydney, Australia dan Lapangan Terbang Gatwick, London.

BlackRock, Inc. ialah pengurus aset terbesar di dunia, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) \$10.5 trilion (setakat 31 Mac 2024) (Bersamaan dengan RM49.35 Trillion; 1 AS\$ = RM4.70). Ia memegang saham dalam hampir semua syarikat tersenarai awam di seluruh dunia. Sebahagian besar portfolio BlackRock dikhususkan untuk pelaburan berkaitan indeks yang pasif, ini termasuk gergasi teknologi seperti Apple, Facebook dan Google. Di pasaran Amerika Syarikat, pegangan BlackRock dalam setiap syarikat terbesar S&P500 secara purata adalah sekitar 7.35%.

BlackRock telahpun berada di Malaysia sejak tahun 1990-an. Menurut data yang boleh diperoleh secara terbuka setakat Mei 2024, BlackRock sebagai sebuah firma pelaburan global sudah memiliki pelaburan ekuiti di dalam 100 syarikat tersenarai di Malaysia merangkumi sektor industri, dengan tiga (3) entiti terbesar merupakan institusi perbankan di negara ini. Secara keseluruhan mereka memiliki aset bernilai sekitar RM27.5 billion di Malaysia iaitu:

- a) RM20.5 billion dalam pasaran saham di Bursa Malaysia; dan

SOALAN NO : 97

- b) Sekitar RM7.0 billion dalam Bon kerajaan dan Korporat di Malaysia.

Pada tahun 2021, BlackRock juga telah dipilih oleh KWSP sebagai salah satu pengurus dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) pelaburan langsung dan pelaburan bersama Ekuiti Persendirian (PE) patuh Syariah yang pertama dan terbesar di dunia. Tambahan, usaha ini telah bermula sejak tahun 2018 sebelum dilancarkan oleh KWSP pada tahun 2021.

Pihak Konsortium juga telah menjelaskan bahawa BlackRock tidak pernah sama sekali terlibat dalam sebarang transaksi berhubung MAHB. Pengurusan sedia ada GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab bagi hala tuju strategik dan operasi GIP serta syarikat-syarikat di bawah pelaburan mereka, termasuklah MAHB seandainya transaksi ini dimuktamadkan nanti.

Memandangkan lapangan terbang memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, usaha pembaharuan dan transformasi MAHB wajar dilaksanakan dengan kadar yang segera berdasarkan pada statistik berikut:

- a) Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun;
- b) Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada 2023, berbanding 40 yang ditawarkan Singapura dan 55 yang ditawarkan Thailand; dan
- c) Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Atas dasar inilah, konsortium tersebut yang diterajui oleh Khazanah dan KWSP, selepas ini akan memiliki majoriti 70% pegangan bersama dalam MAHB. Mereka telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih

SOALAN NO : 97

dan menswastakan MAHB untuk memudahkan pembaharuan yang diperlukan ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Baki 30% pegangan di bawah konsortium ini pula akan dimiliki oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP yang hadir dengan pengalaman dan kepakaran teknikal dalam pengendalian operasi lapangan terbang antarabangsa.

Konsortium tersebut beranggapan bahawa penswastaan MAHB merupakan langkah yang terbaik kerana ia membolehkan sebarang keputusan dan pelaburan jangka panjang dibuat pada kadar yang lebih pantas.

Antara fokus utama yang akan diberikan tumpuan oleh konsortium berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Menyiapkan projek bermodal berkeutamaan tinggi;
- b) Meningkatkan pengalaman penumpang di semua lapangan terbang;
- c) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan;
- d) Mempercepatkan pelaburan modal; dan
- e) Membangunkan perniagaan sampingan di sekitar lapangan terbang

Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini sekiranya membuahkan hasil nanti akan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan dan penumpang, sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock. Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium bahawa meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat- syarikat yang dilabur.

SOALAN NO : 97

Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock. ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30% dalam MAHB. Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi ini tidak melibatkan BlackRock sama sekali.

Kerajaan juga mengambil perhatian terhadap kenyataan akhbar oleh pakar yang dilantik Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 Jun 2024 yang bertajuk “Negara dan syarikat mesti menamatkan pemindahan senjata ke Israel dengan segera atau berisiko mencabuli hak asasi manusia”. Ini merupakan inisiatif baik oleh organisasi tersebut untuk memberi tekanan kepada syarikat-syarikat pembekal senjata tertentu untuk menghentikan isu kemanusiaan di Palestin selari dengan sekatan yang dijalankan oleh negara Amerika Syarikat terhadap beberapa buah negara, entiti dan individu di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, isu ini dipolitikkan di luar konteks oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR (BATU PAHAT)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR (BATU PAHAT) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci rancangan pembangunan tanah '*airport*' Sungai Besi 50 ekar yang telah dijadikan Tanah Rezab Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu Pahat, Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd menyambut baik saranan Kerajaan supaya diperuntukkan 50 ekar tanah pembangunan projek Bandar Malaysia sebagai tanah Rezab Melayu.

Pada masa ini, pihak syarikat sedang menjalankan kajian lanjut berkaitan strategi pembangunan 50 ekar tanah tersebut bagi memastikan ianya selari dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan pembangunan Bandar Malaysia sebagai Hab Perniagaan Antarabangsa.

Antara prinsip penting yang akan diambil kira dalam perezaban kawasan seluas 50 ekar tersebut adalah seperti berikut:

- a) penempatan berkelompok di sekitar kemudahan penting yang relevan seperti masjid;
- b) tersebar dan bersepadu selaras dengan konsep keterangkuman Malaysia Madani;
- c) berpotensi untuk dibangunkan sebagai tempat tarikan pelancong yang mempamerkan budaya masyarakat Melayu; dan
- d) pemerkasaan ekonomi orang Melayu dengan menyediakan peluang pemilikan hartanah di dalam kawasan bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS (MERSING)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS (MERSING) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- a) butiran terperinci dan jangkaan garis masa yang sebenar bagi pelaksanaan program rasionalisasi subsidi kepada rakyat; dan
- b) usaha Kerajaan untuk membantu golongan petani, pesawah, pekebun kecil, penternak, dan nelayan khususnya di Mersing kesan pelaksanaan rasionalisasi subsidi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat ini telah mencetus risiko negatif kepada kemampuan fiskal

jangka panjang negara dan boleh menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terpaksa dikurangkan.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyiasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang kian berleluasa dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Setelah penyiasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat logistik yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Manakala kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulan dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada harga RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada harga RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar. Melalui pelaksanaan penyiasaran subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI
SHIEN (JULAU)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mula melaksanakan mekanisme yang lebih mantap untuk menentukan siapakah yang layak atau tidak layak untuk menerima setiap bantuan subsidi tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme pelaksanaan penyasaran semula subsidi memerlukan kajian yang teliti supaya tidak meningkatkan kos kepada industri sedia ada serta menitikberatkan aspek pelaksanaan dan komunikasi yang berkesan kepada pihak industri agar tidak berlaku kejutan kepada ekonomi.

Pelaksanaan juga perlu bersesuaian dan boleh dilaksanakan di samping mengekalkan fokus Kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas. Penyasaran subsidi diesel ialah langkah bertanggungjawab Kerajaan dalam menyelamatkan ekonomi negara.

Penyasaran subsidi diesel telah dilaksanakan dengan menetapkan harga runcit diesel pada harga tanpa subsidi berkuatkuasa 10 Jun 2024. Pada masa yang sama, bantuan bersasar disediakan terutamanya untuk

sektor logistik serta individu yang memiliki kenderaan diesel di samping petani kecil dan pekebun kecil komoditi bagi mengurangkan impak kepada kos sara hidup dan rakyat yang dikenali sebagai Bantuan Subsidi MADANI (atau BUDI MADANI). Secara amnya, BUDI MADANI akan dilaksanakan melalui kaedah:

- a) **Pertama**, Kerajaan akan terus menyediakan diesel bersubsidi kepada syarikat-syarikat sektor logistik melibatkan penggunaan 23 jenis kenderaan diesel pengangkutan barangan darat di bawah MySubsidi Diesel. Kenderaan jenis ini akan terus membeli diesel pada harga RM2.15 seliter, sekaligus dapat melindungi rakyat daripada sebarang kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang mendadak; dan
- b) **Kedua**, Kerajaan juga akan menyediakan bantuan tunai di bawah BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak serta petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai bulanan sebanyak 200 ringgit ini akan dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel dan seterusnya tidak menjejaskan pendapatan mereka.

Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan sekiranya perlu, penambahbaikan dari semasa ke semasa akan dibuat dalam memastikan golongan yang benar-benar layak terus mendapat perhatian Kerajaan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR
KUCHING)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan dan rasional Kerajaan untuk memperkenalkan polisi subsidi bersasar minyak diesel dan RON95 dan apakah inisiatif yang akan dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan disebabkan polisi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat ini telah mencetus risiko negatif kepada kemampuan fiskal jangka panjang negara dan boleh menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terpaksa dikurangkan.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyiasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang kian berleluasa dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Setelah penyiasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah fleet card. Melalui kaedah ini, syarikat logistik yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Manakala kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulan dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada harga RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada harga RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan

SOALAN NO : 101

kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar. Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD
NOR (TEMERLOH)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR (TEMERLOH) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa kenaikan cukai dan potongan subsidi didahulukan oleh pihak Kerajaan sebelum memastikan rasionalisasi subsidi bersasar berjalan dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ruang fiskal (*fiscal space*) negara perlu ditingkatkan supaya Kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai program dan projek yang dapat menambahbaik kualiti hidup rakyat, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI. Selain daripada melaksanakan langkah untuk mengurangkan ketirisan dan pembaziran dalam perbelanjaan, peningkatan ruang fiskal juga boleh dicapai dengan memperluas asas cukai (*widen the tax base*) khususnya melalui langkah reformasi percukaian (*tax reform*). Langkah ini adalah perlu memandangkan nisbah kutipan cukai berbanding KDNK di Malaysia pada 11.2 peratus (tahun 2021) adalah yang terendah di rantau ini. Nisbah ini juga lebih rendah daripada Singapura yang mencatat 12.6 peratus walaupun negara itu dilihat sebagai sebuah ekonomi yang mengenakan cukai pendapatan pada kadar yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan amat berhati-hati dalam melaksanakan reformasi percukaian bagi memastikan rakyat tidak terbeban dan pada masa yang sama kedudukan fiskal negara kekal mampan. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan MADANI dalam menimbang soal percukaian negara adalah bersifat progresif dan mengutamakan penambahbaikan dari aspek pentadbiran cukai.

Bagi melengkapkan hasrat Ekonomi MADANI, Kerajaan tekad dalam melaksanakan program penyiasaran semula subsidi diesel bagi memastikan kelestarian ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan akibat aktiviti penyeludupan. Kerajaan berhasrat untuk memastikan diesel bersubsidi hanya digunakan oleh sektor yang wajar dibantu seperti sektor perkhidmatan pengangkutan awam darat dan sektor logistik terutamanya perkhidmatan pengangkutan barangan darat.

Selari dengan pelaksanaan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) bermula pada 10 Jun

SOALAN NO : 102

2024, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Manakala kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulan dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada harga RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada harga RM1.65 seliter.

Secara kesimpulannya, langkah-langkah pembaharuan fiskal dan penyasaran semula subsidi dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan unjuran inflasi dan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2024 kekal masing-masing pada 2.0% - 3.5% dan 4.% - 5%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk naik taraf jalan raya di atas tebatan banjir sepanjang Sungai Golok untuk pelancongan dan keselamatan sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1. Kerja fizikal di tapak telah dimulakan pada April 2018 dengan kemajuan terkini adalah 79%. Berdasarkan jadual, semua komponen projek akan siap sepenuhnya pada Disember 2026.
2. Antara skop utama projek ini adalah pembinaan ban banjir di laluan jalan KESBAN sepanjang 26.2 km berhampiran sempadan Malaysia - Thailand. Ban ini akan berfungsi sebagai penahan banjir dan turut dibuka kepada laluan trafik orang awam sebagai Jalan Persekutuan FT485. Jajaran ini direka bentuk mengikut spesifikasi dan standard R3 Modified Jabatan Kerja Raya (JKR).
3. Selain tebatan banjir, projek ini dilaksanakan untuk memelihara kedaulatan dan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand. Oleh demikian, atas faktor keselamatan, kawasan ini tidak sesuai untuk tujuan pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memulangkan 20 peratus daripada hasil cukai yang dibayar oleh rakyat mana-mana negeri kepada Kerajaan negeri berkenaan bagi tujuan pembangunan sebagaimana cadangan salah seorang Ketua Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dalam memastikan peruntukan yang disediakan kepada setiap negeri dapat memenuhi penyampaian perkhidmatan yang baik dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab melalui Pemberian-pemberian (*grants*) kepada negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Selain pemberian yang menjadi sebahagian hasil kepada Kerajaan Negeri, agihan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan turut merangkumi pembiayaan projek pembangunan di setiap negeri serta perbelanjaan mengurus yang lain di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan termasuklah pembangunan berkaitan perubatan dan kesihatan, pendidikan, keselamatan dan pertahanan serta perkhidmatan pengangkutan.

Untuk makluman YB, tadbir urus Kerajaan pada masa ini adalah selaras dengan konsep Federalisme yang mendukung Perlembagaan Persekutuan sebagai teras utama pembentukan negara Malaysia, di mana pengagihan bidang tanggungjawab antara Persekutuan dan Negeri telah jelas dinyatakan. Kerajaan Persekutuan akan terus komited dan mengambil kira aspek keutamaan negeri bagi memastikan pembangunan dan kemakmuran negeri yang seimbang demi manfaat dan kesejahteraan kepada semua rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IDRIS BIN AHMAD (BAGAN
SERAI)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK IDRIS BIN AHMAD (BAGAN SERAI) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- a) justifikasi penglibatan syarikat pro-Israel ke dalam pengurusan lapangan terbang di Malaysia apabila saham MAHB turut dimiliki oleh Blackrock melalui Global Infrastructure Partners (GIP); dan
- b) mengapa Kerajaan enggan mempertimbangkan semula keputusan ini sedangkan ia dibantah pelbagai pihak termasuk oleh gerakan BDS Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Madani telah menyatakan dan kekal teguh dalam pendirian kami terhadap serangan yang tidak berperikemanusiaan dan pembunuhan beramai-ramai rejim Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza.

Kerajaan tiada halangan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk melabur di negara kita. Tetapi yang kita larang adalah syarikat milik Israel. Sebagai contoh syarikat perkapalan ZIM milik Israel yang telah kita sekat daripada berlabuh di negara kita sejak Disember 2023.

Dalam hal Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Konsortium yang diterajui pemegang saham sedia ada MAHB iaitu Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memilih GIP kerana menepati kriteria berikut:

- (i) Pemilikan kepakaran teknikal dalam pengendalian lapangan terbang dan kekuatan kewangan untuk melaksanakan transaksi dan pelaburan besar;
- (ii) Rekod pencapaian yang kukuh dalam transformasi lapangan terbang;
- (iii) Kesanggupan untuk mengambil kepentingan minoriti; dan
- (iv) Kesanggupan untuk keluar setelah usaha transformasi tersebut membuahkan hasil.

Sebagai tambahan, KWSP telah melabur dengan GIP dalam aset-aset infrastruktur sejak tahun 2012. Antara aset-aset yang dilabur dalam kerjasama ini termasuklah lapangan terbang Sydney, Australia dan Lapangan Terbang Gatwick, London.

BlackRock, Inc. ialah pengurus aset terbesar di dunia, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) \$10.5 trilion (setakat 31 Mac 2024) (Bersamaan dengan RM49.35 Trillion; 1 AS\$ = RM4.70). Ia memegang saham dalam hampir semua syarikat tersenarai awam di seluruh dunia. Sebahagian besar portfolio BlackRock dikhususkan untuk pelaburan berkaitan indeks yang pasif, ini termasuk gergasi teknologi seperti Apple,

Facebook dan Google. Di pasaran Amerika Syarikat, pegangan BlackRock dalam setiap syarikat terbesar S&P500 secara purata adalah sekitar 7.35%.

BlackRock telahpun berada di Malaysia sejak tahun 1990-an. Menurut data yang boleh diperoleh secara terbuka setakat Mei 2024, BlackRock sebagai sebuah firma pelaburan global sudah memiliki pelaburan ekuiti di dalam 100 syarikat tersenarai di Malaysia merangkumi sektor industri, dengan tiga (3) entiti terbesar merupakan institusi perbankan di negara ini. Secara keseluruhan mereka memiliki aset bernilai sekitar RM27.5 billion di Malaysia iaitu:

- (i) RM20.5 billion dalam pasaran saham di Bursa Malaysia; dan
- (ii) sekitar RM7.0 billion dalam Bon kerajaan dan Korporat di Malaysia.

Pada tahun 2021, BlackRock juga telah dipilih oleh KWSP sebagai salah satu pengurus dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) pelaburan langsung dan pelaburan bersama Ekuiti Persendirian (PE) patuh Syariah yang pertama dan terbesar di dunia. Tambahan, usaha ini telah bermula sejak tahun 2018 sebelum dilancarkan oleh KWSP pada tahun 2021.

Pihak Konsortium juga telah menjelaskan bahawa BlackRock tidak pernah sama sekali terlibat dalam sebarang transaksi berhubung MAHB. Pengurusan sedia ada GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab bagi hala tuju strategik dan operasi GIP serta syarikat-syarikat di bawah pelaburan mereka, termasuklah MAHB seandainya transaksi ini dimuktamadkan nanti.

Memandangkan lapangan terbang memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, usaha pembaharuan dan transformasi MAHB wajar dilaksanakan dengan kadar yang segera berdasarkan pada statistik berikut:

- (i) Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada

kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun;

- (ii) Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada 2023, berbanding 40 yang ditawarkan Singapura dan 55 yang ditawarkan Thailand; dan
- (iii) Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Atas dasar inilah, konsortium tersebut yang diterajui oleh Khazanah dan KWSP, selepas ini akan memiliki majoriti 70% pegangan bersama dalam MAHB. Mereka telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih dan menswastakan MAHB untuk memudahkan pembaharuan yang diperlukan ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Baki 30% pegangan di bawah konsortium ini pula akan dimiliki oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP yang hadir dengan pengalaman dan kepakaran teknikal dalam pengendalian operasi lapangan terbang antarabangsa.

Konsortium tersebut beranggap bahawa penswastakan MAHB merupakan langkah yang terbaik kerana ia membolehkan sebarang keputusan dan pelaburan jangka panjang dibuat pada kadar yang lebih pantas,

Antara fokus utama yang akan diberikan tumpuan oleh konsortium berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Menyiapkan projek bermodal berkeutamaan tinggi;
- (ii) Meningkatkan pengalaman penumpang di semua lapangan terbang;
- (iii) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan;
- (iv) Mempercepatkan pelaburan modal; dan
- (v) Membangunkan perniagaan sampingan di sekitar lapangan terbang

Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini sekiranya membuah hasil nanti akan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan dan penumpang, sekali gus merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock. Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium bahawa meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat- syarikat yang dilabur.

Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock. ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30% dalam MAHB. Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi in tidak melibatkan BlackRock sama sekali.

Kerajaan juga mengambil perhatian terhadap kenyataan akhbar oleh pakar yang dilantik Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 Jun 2024 yang bertajuk “Negara dan syarikat mesti menamatkan pemindahan senjata ke Israel dengan segera atau berisiko mencabuli hak asasi manusia”. Ini merupakan inisiatif baik oleh organisasi tersebut untuk memberi tekanan kepada syarikat-syarikat pembekal senjata tertentu untuk menghentikan isu kemanusiaan di Palestin selari dengan sekatan yang dijalankan oleh negara Amerika Syarikat terhadap beberapa buah negara, entiti dan individu di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, isu ini dipolitikkan di luar konteks oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian susulan Laporan Bank Dunia pada bulan April 2024 yang menyatakan bahawa 24 peratus pelajar tidak mempunyai kesediaan asas untuk memasuki zaman persekolahan, dan 42 peratus pelajar sekolah rendah mengalami kekangan untuk membaca.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pernyataan dalam laporan Bank Dunia berkaitan sistem pendidikan Malaysia adalah berlandaskan keputusan Kajian *Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 yang melibatkan murid Tahun 5 sahaja. Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 mencatatkan 37 peratus murid Tahun 5 mencapai Aras Penguasaan 3 hingga 5 (proficient) dalam Literasi Bacaan dan 58 peratus murid Tahun 5 di Malaysia telah mencapai Aras 6 dan ke atas. Hanya 5 peratus murid Tahun 5 berada pada Aras Penguasaan 2 dan ke bawah. Sehubungan dengan itu, isu yang dibangkitkan dalam laporan telah dan sedang ditangani di peringkat Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksana transformasi pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang menggariskan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid. Pelan ini sedang berada dalam gelombang terakhir dan telah pun menunjukkan pencapaian positif sepanjang 11 tahun pelaksanaannya.

Bagi memperkukuh pelaksanaan PPPM 2013 – 2025, KPM telah melaksanakan reformasi pendidikan dengan menubuhkan 6 Pasukan Petugas Khas (*task force*) untuk memastikan keberhasilan yang berkualiti dapat dicapai iaitu;

- i. Prasekolah;
- ii. Intervensi Kurikulum;
- iii. Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM);
- iv. Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET);
- v. Pendidikan Digital; dan
- vi. Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Selain itu, KPM kini sedang dalam proses transisi daripada PPPM 2013-2025 kepada pelan pembangunan pendidikan baharu. Susulan dari proses tersebut, KPM telah menubuhkan pasukan petugas khas bagi menerajui perancangan, hala tuju dan pembangunan pendidikan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang bermula tahun 2026. Ketika ini, KPM sedang menganalisis pencapaian PPPM untuk mengenal pasti jurang dan ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian di dalam pelan pendidikan yang baharu.

KPM juga sedang merangka kurikulum pendidikan menggunakan pendekatan baharu yang bakal dilaksanakan pada tahun 2027. Kurikulum Persekolahan 2027 ini adalah satu usaha untuk merevolusi dan menambah baik sistem pendidikan di Malaysia. Reka bentuk kurikulum baharu ini akan menggabungkan kurikulum berasaskan standard dan kurikulum berorientasikan kompetensi yang menggalakkan pembelajaran aktif murid, menyediakan pengalaman pembelajaran dan pentaksiran yang lebih autentik dan bermakna.

KPM juga akan memperkenalkan pembelajaran bersepadu pada Tahap I dan Tahap II sekolah rendah yang dimasukkan dalam jadual waktu bagi membolehkan pelaksanaan yang lebih berstruktur. Pembelajaran bersepadu merupakan satu pendekatan PdP yang menggabungkan isi kandungan dan kemahiran dari pelbagai disiplin ilmu ke arah satu pengalaman pembelajaran yang mempamerkan konsep penyatuan agar pembelajaran murid menjadi lebih holistik, bermakna, relevan dan berhubung kait dengan dunia sebenar.

KPM amat komited dalam memastikan setiap murid mendapat asas yang kukuh dengan memberi keutamaan kepada aspek literasi dan numerasi. Murid yang dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis akan diberi intervensi melalui pelbagai program bimbingan antaranya seperti Program Literasi dan Numerasi (PLaN) dan Program Bantu Baca KPM yang disesuaikan dengan keperluan dan tahap keupayaan murid untuk mereka mengikuti pembelajaran seterusnya.

Antara usaha KPM untuk meningkatkan prestasi murid dalam literasi dan numerasi adalah seperti berikut:

- i. menyediakan pelbagai bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains melalui platform pembelajaran digital DELIMa;
- ii. meningkatkan kompetensi guru dalam kandungan dan amalan pendekatan PdP berkaitan literasi, numerasi dan sains;

- iii. mengesan keupayaan literasi dan numerasi murid melalui Ujian Diagnostik Pengesanan Awal (saringan pengesanan) mengikut tahap bagi murid sekolah rendah; dan
- iv. melaksana pemugaran kurikulum melalui Modul Bimbingan (MOBIM) yang berfokus mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk kegunaan semua guru.

KPM juga memberi autonomi kepada pihak sekolah melaksanakan pelbagai intervensi mengikut kesesuaian persekitaran murid dan membekalkan bahan bantu belajar untuk murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir Sesi Akademik 2023/2024, statistik menunjukkan seramai 49.88 peratus (82,237 orang) murid dapat menguasai kemahiran asas 3M setelah mengikuti program intervensi dalam kelas pemulihan khas. Bagi murid yang belum menguasai 3M pada akhir sesi akademik persekolahan, mereka akan mengikuti Program Pemulihan Khas pada tahun berikutnya.

KPM juga melaksanakan Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara dan Sesi Libat Urus Kurikulum Persekolahan 2027 bagi mengumpul input dan pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan.

KPM beriltizam untuk terus komited dalam memastikan reformasi pendidikan dan pelaksanaan PPPM 2013-2025 mencapai aspirasi sistem dan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan. KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap sistem pendidikan negara supaya kekal berdaya saing, dinamik dan komprehensif setaraf peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
(JELEBU)**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jumlah terkini Tanah Rizab Melayu (TRM) di seluruh negara dan benarkah dakwaan yang ditimbulkan sesetengah pihak bahawa Tanah Rizab Melayu ini semakin berkurang jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, data terawal keluasan Tanah Rizab Melayu yang direkodkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) adalah pada tahun 1947 iaitu keluasan sebanyak 2,422,720 hektar. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pihak Berkuasa Negeri, keluasan keseluruhan Tanah Rizab Melayu sehingga 30 Jun 2023 adalah sebanyak 4,977,083.37 hektar dan ini tidak termasuk Pulau Pinang dan Melaka yang tidak mempunyai Enakmen Rizab Melayu. Dalam hubungan ini, keluasan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2,554,363.37 hektar atau 105.43% pada tahun 2023 berbanding tahun 1947.

2. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menerusi JKPTG hanya merekodkan data keluasan Tanah Rizab Melayu yang diterima daripada Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara Ke-69 pada tahun 2013. Berdasarkan perundangan semasa, hal ehwal Tanah Rizab Melayu adalah di bawah bidang kuasa sepenuhnya Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status semasa penggubalan RUU Pesara dan Bekas Polis yang bakal dibentangkan pada tahun ini bagi menjamin kebajikan para anggota keselamatan tersebut serta apakah manfaat atau kebaikan yang bakal dinikmati oleh golongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Nilai kesejahteraan dan ihsan yang merupakan teras dalam konsep Malaysia Madani dijadikan panduan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam merangka pelan jangka panjang bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan pesara polis dan bekas pegawai polis yang telah memberi sumbangan kepada keselamatan serta ketenteraman awam dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, KDN dan PDRM sedang menyediakan draf Rang Undang-Undang (RUU) Pesara Polis dan Bekas Pegawai Polis. Setakat 14 Jun 2024, Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Dasar sedang disemak oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) KDN sebelum diedarkan untuk ulasan Kementerian-Kementerian sebelum dibentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Antara manfaat dan kebaikan yang bakal dinikmati oleh Pesara Polis dan Bekas Pegawai Polis adalah seperti berikut:

- (a) menjaga kebajikan pesara polis dan bekas pegawai polis;
- (b) menjamin penyaluran peruntukan Kerajaan kepada persatuan pesara polis dan bekas pegawai polis; dan
- (c) mendaftar pesara polis dan bekas pegawai polis, mengawal persatuan-persatuan pesara polis dan bekas pegawai polis di dalam menjaga kebajikan pesara polis dan bekas pegawai polis.

Sekian, terima kasih.